

## BAB II

### *MUSHARAKAH MUTANAQISAH* DALAM SISTEM MUAMALAH ISLAM

#### 2.1 Pendahuluan

*Musharakah mutanaqisah* adalah sejenis ‘*aqd al-murakkabah*’ atau dalam bahasa modennya disebut sebagai kontrak hibrid. Ia bukanlah suatu kontrak yang dibina di atas mana-mana kontrak dalam sistem muamalah Islam secara tunggal, sebaliknya suatu kontrak yang dibina di atas gabungan beberapa kontrak yang diharuskan oleh syara’ untuk membentuk suatu kontrak baru sesuai dengan kehendak dan perubahan semasa. Oleh sebab itu, ia juga disebut sebagai ‘*aqd al-mustajiddah*’.

Sebagai ‘*aqd al-murakkabah*’ dan ‘*aqd al-mustajiddah*’, *musharakah mutanaqisah* masih terdedah kepada ruangan *ijtihad*, kreativiti dan inovasi para sarjana fiqh dan kewangan Islam. Tidak hairanlah ia memiliki konteks pemahaman yang luas, pengklasifikasian dan pengaplikasian yang versatil serta bentuk yang pelbagai. Sebahagian daripadanya dirangka bagi tujuan pembiayaan hartanah, manakala sebahagian lagi dirangka bagi tujuan pembiayaan projek, usahasama perniagaan, perdagangan dan pelbagai lagi.<sup>1</sup>

Antara bentuk-bentuk yang dibincangkan ialah *musharakah mutanaqisah* bersama dengan janji pembelian, pembiayaan bersama, pemilikan saham, pembiayaan projek sedia ada, *al-istisna’*, *al-ijarah* dan *al-mudarabah*. Walau bagaimanapun, bentuk yang seringkali digunakan bagi tujuan pembiayaan perumahan ialah *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-ijarah*.

Bab ini pula menghuraikan tentang *musharakah mutanaqisah* bagi tujuan pembiayaan perumahan. Ini bermakna ia menghuraikan tentang *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-ijarah*. Bagi menyempurnakan tujuan tersebut, penulis membahagikan bab ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan

---

<sup>1</sup> Taqi Usmani, *An Introduction*, 30-35; Muhammad Ayub, *Understanding Islamic Finance*, 339.

tentang kontrak-kontrak utama yang membentuk kontrak *musharakah mutanaqisah* iaitu *al-shirkah* dan *al-ijarah*. Ia merangkumi perbincangan tentang definisi, asas perundangan, pembahagian kategori, rukun dan syarat setiap kontrak. Bahagian kedua pula membincangkan tentang *musharakah mutanaqisah* itu sendiri. Ia merangkumi perbincangan tentang definisi, pembentukan dan hukum kontrak tersebut. Bab ini diakhiri dengan satu kesimpulan.

## 2.2 *Al-Shirkah* Dalam Sistem Muamalah Islam

### 2.2.1 Definisi *al-Shirkah*

#### 2.2.1.1 Dari Sudut Bahasa

*Al-shirkah* (الشَّرِكَةُ) atau *al-sharikah* (الشَّرِكَةُ) dari sudut bahasa bermaksud perkongsian, persekutuan,<sup>2</sup> syarikat atau perniagaan bersama.<sup>3</sup> Ia lahir daripada kata kerja (شَرِكَ يَشْرِكُ) yang bermaksud percampuran di antara dua individu yang bersekutu<sup>4</sup> atau percampuran dua bahagian atau lebih di mana kedua-dua bahagian tersebut tidak dapat dibezakan dan diasingkan di antara satu sama lain.<sup>5</sup>

Berdasarkan beberapa definisi di atas, *al-shirkah* dari sudut bahasa mempunyai dua pengertian. Pertama, ia merujuk kepada percampuran sama ada dalam bentuk harta benda atau individu yang bersekutu dan kedua, ia merujuk kepada perkongsian sama ada dalam bentuk pemilikan atau kontrak perniagaan.<sup>6</sup>

---

<sup>2</sup> Muhammad Idris b. 'Abd al-Ra'uf al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi* (Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, 1990), 1:320.

<sup>3</sup> Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasit*, cet. 3 (Mesir: Sharikat al-I'lanat al-Sharqiyyah, 1985), 1:499-500; Ruhi Ba'albaki, *al-Mawrid Qamus 'Arabi Inklizi*, cet. 7 (Beirut: Dar 'Ilm al-Malayin, 1995), 668; Mohd Khairi Zainuddin et al., *al-Miftah: Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris*, cet. 2 (Shah Alam: Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd., 2008), 1014.

<sup>4</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t.), 4:2248.

<sup>5</sup> Abu al-Husayn Ahmad b. Faris b. Zakariyya, *Mu'jam Maqayis al-Lughah* (Beirut: Dar al-Jayl, 1991), 3:265; Dar al-Mashriq, *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam*, cet. 24 (Beirut: Dar al-Mashriq, 1973), 384.

<sup>6</sup> 'Abd al-'Aziz al-Khayyat, *al-Sharikat fi Daw' al-Islam* (Kaherah: Dar al-Salam li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 1989), 7; Abdullah Alwi, *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*, cet. 2 (New Delhi: Kitab Bhavan, 1997), 104-105; Imran Ahsan Khan, *Islamic Law of Business Organization: Partnership* (Petaling Jaya: The Other Press, 2006), 14.

### 2.2.1.2 Dari Sudut Istilah

Fuqaha' berselisih pendapat dalam memberikan definisi *al-shirkah* dari sudut istilah secara umum. Sebahagiannya mengabaikan perbahasan ini dan mengambil pendekatan menghuraikan definisi *al-shirkah* mengikut pembahagian yang telah ditetapkan dalam setiap madhhab.<sup>7</sup>

Al-Zayla'i daripada madhhab Hanafi mendefinisikan *al-shirkah* sebagai suatu percampuran di antara dua bahagian atau lebih di mana kedua-dua bahagian tersebut tidak dapat dibezakan,<sup>8</sup> manakala Ibn 'Abidin mendefinisikannya sebagai suatu kontrak di antara dua pihak yang bersekutu dalam mengeluarkan modal dan memperolehi keuntungan.<sup>9</sup> Dalam Majallah al-Ahkam pula, *al-shirkah* adalah sesuatu yang ditentukan dan diberikan hak keistimewaannya kepada beberapa individu.<sup>10</sup>

Al-Dusuqi daripada madhhab Maliki mendefinisikan *al-shirkah* sebagai keizinan yang diberikan kepada kedua-dua pihak yang bersekutu untuk menggunakan harta kedua-duanya atau kedua-dua pihak yang bersekutu memberikan keizinan kepada sekutunya untuk menggunakan hartanya dengan mengekalkan hak penggunaan setiap pihak yang terlibat,<sup>11</sup> manakala al-Sawi pula mendefinisikannya sebagai suatu kontrak yang melibatkan dua pemilik harta atau lebih dalam perniagaan secara bersama atau

---

<sup>7</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Kasani, *Badai' al-Sana'i*, 6:56; Abu al-Hasan Burhan al-Din 'Ali b. Abu Bakr b. 'Abd al-Jalil al-Rashdani al-Marghinani, *al-Hidayah Sharh al-Bidayat al-Mubtadi* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990), 3:3; 'Abd Allah b. Mahmud b. Mawdud al-Musili al-Hanafi, *al-Ikhtiyar li Ta'lil al-Mukhtar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 3:11; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 2:251; Shihab al-Din Ahmad b. Idris al-Qarrafi, *al-Dhakhirah* (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1994), 8:19.

<sup>8</sup> Fakhr al-Din 'Uthman b. 'Ali al-Zayla'i al-Hanafi, *Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), 3:312.

<sup>9</sup> Ibn 'Abidin Muhammad Amin Afandi, *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 6:466.

<sup>10</sup> 'Ali Haydar, *Durar al-Hukam Sharh Majallah al-Ahkam* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 10:2, art. 1045; C. R. Tyser et al., *The Mejelle: Being an English Translation of Majallah al-Ahkam-i-Adliya and a Complete Code on Islamic Civil Law* (Lahore: Law Publishing Company, t.t.), 166, art. 1045.

<sup>11</sup> Shams al-Din al-Shaykh Muhammad 'Arafah al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi 'ala al-Sharh al-Kabir* (Dar Ihya' al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 3:348.

suatu kontrak di mana tenaga dikeluarkan dan keuntungan dibahagikan secara bersama.<sup>12</sup>

Dalam madhhab Shafi'i, *al-shirkah* ialah pensabitan hak ke atas sesuatu yang dimiliki oleh dua pihak yang bersekutu atau lebih secara *al-shuyu'* (meluas atau sukar untuk dibezakan).<sup>13</sup>

Dalam madhhab Hanbali pula, *al-shirkah* adalah sesuatu yang menghimpunkan penyataan hak atau penggunaan.<sup>14</sup>

Perselisihan pendapat di atas berlaku disebabkan oleh beberapa perkara. Pertama, perbezaan pandangan dalam pembahagian *al-shirkah* di mana majoriti fuqaha' membahagikan *al-shirkah* kepada dua kategori iaitu *shirkat al-milk* dan *shirkat al-'aqd*,<sup>15</sup> manakala sebahagian fuqaha' Hanafi menambah satu lagi kategori iaitu *shirkat al-ibahah*.<sup>16</sup> Kedua, perbezaan pandangan dalam metodologi perbahasan kategori *al-shirkah* di mana majoriti fuqaha' membahaskan keseluruhan kategori *al-shirkah* secara bersama,<sup>17</sup> manakala madhhab Shafi'i hanya membahaskan satu kategori sahaja iaitu *shirkat al-'aqd* dan mengeneipkan perbahasan *shirkat al-milk* kecuali dalam bab-bab fiqh yang berkaitan seperti hibah, wasiat dan pembahagian harta pusaka.<sup>18</sup> Ketiga,

---

<sup>12</sup> Al-Shaykh Ahmad al-Sawi, *Bulghat al-Salik li Aqrab al-Masalik* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), 2:153.

<sup>13</sup> Abu Zakariyya Muhy al-Din b. Sharaf al-Nawawi et al., *al-Majmu'* (Jeddah: Maktabah al-Irshad, t.t.), 14:7; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:274; Shams al-Din Muhammad b. Abu al-'Abbas Ahmad b. Hamzah b. Shihab al-Din al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, cetakan terakhir, (Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, 1967), 5:3; al-Qalyubi dan 'Umayrah, *Hashiyatan al-Qalyubi wa 'Umayrah* (Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, 1956), 2:332; Sulayman b. Muhammad b. 'Umar al-Bujayrimi al-Shafi'i, *al-Bujayrimi 'ala al-Khatib* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 3:444; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin fi Qism al-Mu'amalat min Fiqh al-Shafi'i* (Musal: Maktabah Bassam, 1985), 149; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i* (Damsyik: Dar al-'Ulum al-Insaniyyah, 1996), 3:217.

<sup>14</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 7:109; Mansur b. Yunis Idris al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina' 'ala Matn al-'Iqna'* (Beirut: 'Alam al-Kutub, 1997), 3:189.

<sup>15</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:56; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 3:12; al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqaiq*, 3:313; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:217-218; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 7:109; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:189.

<sup>16</sup> 'Ali Haydar, *Durar al-Hukam*, 10:2, art. 1045; C. R. Tyser et al., *The Mejelle*, 166, art. 1045; Rafiq Yunus al-Misri, *Fiqh al-Mu'amalat al-Maliyyah* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2005), 225; Imran Ahsan Khan, *Islamic Law*, 16-17; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 68-69.

<sup>17</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:56; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 3:12; al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqaiq*, 3:313; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 7:109; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:189.

<sup>18</sup> Hal ini demikian kerana perbahasan *shirkat al-'aqd* tidak pernah dibincangkan dalam bab-bab lain. Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:217-218.

perbezaan pandangan dalam menentukan kategori *al-shirkah* yang diharuskan di mana majoriti fuqaha' mengharuskan hampir keseluruhan kategori *shirkat al-'aqd*,<sup>19</sup> manakala madhhab Shafi'i hanya mengharuskan satu kategori sahaja iaitu *shirkat al-'inan*.<sup>20</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, pemilihan sebuah definisi yang tepat bagi *al-shirkah* dari sudut istilah secara umum adalah sesuatu yang agak sukar untuk dilaksanakan. Menurut Wahbah al-Zuhayli, definisi yang paling tepat dan mudah difahami dalam permasalahan ini ialah definisi Ibn 'Abidin.<sup>21</sup> 'Abd al-'Aziz al-Khayyat pula mengemukakan dua definisi lain sebagai ganti iaitu definisi sebahagian fuqaha' Hanafi; Muhammad 'Ala' al-Imam dan Abu Bakr al-Haddadi di mana *al-shirkah* adalah suatu perkara yang ditentukan kepada dua individu atau lebih dan definisi madhhab Hanbali sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun, kedua-dua pandangan di atas telah ditolak oleh Imran Ahsan Khan tanpa memberikan sebarang cadangan terhadap definisi yang lebih tepat.<sup>23</sup>

Berdasarkan pemerhatian penulis pula, definisi-definisi yang telah dikemukakan oleh al-Zayla'i, Majallah al-Ahkam, madhhab Shafi'i dan Hanbali sudah boleh diterima sebagai definisi *al-shirkah* dari sudut istilah secara umum. Ia telah merangkumi dua kategori utama *al-shirkah* yang menjadi medan perbincangan utama fuqaha' dalam perbincangan mereka iaitu *shirkat al-milk* dan *shirkat al-'aqd* serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam permasalahan *al-ta'rif* (definisi) iaitu bersifat dengan *jami'* (merangkumi), *mani'* (menghalang), jelas, nyata dan terpelihara daripada perkara-

---

<sup>19</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:57; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3-12; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 2:251-255; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 3:20-49; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 7:120-123 dan 137; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:189-192 dan 213-218.

<sup>20</sup> Muhammad b. Idris al-Shafi'i, *al-'Umm* (al-Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 2001), 4:487; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:30; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:274-275; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:4-5; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:447; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 149-151; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:221-222.

<sup>21</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, cet. 2 (Damsyik: Dar al-Fikr, 1985), 4:792-793.

<sup>22</sup> 'Abd al-'Aziz al-Khayyat, *al-Sharikat*, 7.

<sup>23</sup> Imran Ahsan Khan, *Islamic Law*, 14-16.

perkara yang mengelirukan.<sup>24</sup> Definisi Ibn ‘Abidin, al-Dusuqi dan al-Sawi pula lebih tertumpu kepada *shirkat al-‘aqd* sekaligus melanggar beberapa syarat yang telah ditetapkan dalam permasalahan *al-ta‘rif*. Bukan itu sahaja, definisi al-Dusuqi juga bersifat terlalu terperinci sehingga menggambarkan perihal yang berlaku dalam *shirkat al-‘aqd*.

Walau bagaimanapun, penulis berpandangan definisi yang lebih tepat bagi *al-shirkah* dari sudut istilah secara umum adalah suatu percampuran di antara dua bahagian atau lebih secara meluas sama ada disebabkan oleh pemilikan atau kontrak perkongsian.

## 2.2.2 Asas-asas Perundangan *al-Shirkah*

*Al-shirkah* adalah suatu kontrak yang diharuskan dalam sistem muamalah Islam. Keharusan ini berpandukan kepada dalil-dalil yang diperolehi daripada al-Qur’an, al-sunnah, al-ijma‘ dan juga logik.

### 2.2.2.1 Daripada al-Qur’an

Firman Allah s.w.t.:

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَّمْ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوَصِّينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُمُ إِن لَّمْ يَكُن لَّكُمْ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمْنُ مِمَّا تَرَكَتُمُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوَصُّونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورِثُ كِلَايَةَ أَوْ امْرَأَةً وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ فَإِن كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَى بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ وَصِيَّةٍ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ

Surah al-Nisa’ 4: 12

Maksudnya: “Dan bagi kamu seperdua daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu beroleh seperempat daripada harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan

<sup>24</sup> Muhammad Nur al-Ibrahimi, *‘Ilm al-Mantiq* (Kaheerah: Mustafa al-Halabi, 1938), 27-28.

*hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat daripada harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi, kalau kamu mempunyai anak, maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan daripada harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu lelaki atau perempuan yang tidak meninggalkan anak atau bapa dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang daripada keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih daripada seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudharat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyabar.”<sup>25</sup>*

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t. telah menggunakan perkataan *shuraka'* (شُرَكَاءُ),

kata nama jama' bagi *sharik* (شَرِيكٌ), yang bermaksud rakan kongsi atau sekutu.<sup>26</sup> Ia

menjelaskan tentang beberapa hukum yang berkaitan dengan *al-kalalah*<sup>27</sup> termasuklah hukum perkongsian saudara-saudara seibu terhadap sepertiga daripada harta pusaka si mati.<sup>28</sup> Menurut al-Qurtubi, *al-tashrik* (perkongsian) dalam ayat tersebut bermaksud *al-taswiyah* (perkongsian secara sama rata di antara lelaki dan perempuan).<sup>29</sup>

Firman Allah s.w.t.:

<sup>25</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, cet. 12 (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2001), 182-183.

<sup>26</sup> Al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi*, 1:320.

<sup>27</sup> *Al-kalalah* ialah kata nama bagi seseorang (lelaki atau perempuan) yang tidak mempunyai ayah atau anak. Pandangan ini merupakan pandangan Abu Bakr al-Siddiq, 'Umar al-Khattab, 'Ali b. Abi Talib, Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ud, Zayd b. Thabit serta majoriti mufassirin dan fuqaha'. Ibn Kathir telah memperkukuhkan pandangan tersebut dengan menyatakan bahawa ia sudah mencapai martabat ijma'. Abu Ja'far Muhammad b. Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayy al-Qur'an*, cet. 2 (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t.t.), 8:53-61; Abu 'Abd Allah Muhammad b. Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 5:51-52; Abu al-Fida' 'Imad al-Din Isma'il b. Kathir al-Dimashqi, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Jizah: Muassasah Qurtubah, 2000), 3:377-378; Muhammad 'Ali al-Sabuni, *al-Mawarith fi al-Shari'ah al-Islamiyyah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1388H), 28 dan 55-57.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, 5:52-53.

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ  
 وَابْنِ السَّبِيلِ إِنْ كُنْتُمْ آمَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّقَىٰ الْجَمْعَانِ  
 وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Surah al-Anfal 8: 41

Maksudnya: “Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya seperlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk rasul-Nya, dan untuk kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ibn al-sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari al-furqan iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir di medan perang Badar). Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”<sup>30</sup>

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t. telah menetapkan bahawa *ghanimah* (harta rampasan perang) hendaklah dibahagikan kepada lima bahagian. Seperlima daripadanya dibahagikan kepada Allah s.w.t., Rasulullah s.a.w. dan beberapa golongan umat Islam sebagaimana yang telah ditetapkan dalam ayat berkenaan, manakala selebihnya (empat perlima) dibahagikan kepada tentera-tentera Islam yang terlibat dalam medan peperangan.<sup>31</sup>

Firman Allah s.w.t.:

وَأَجْعَلْ لِي وَزِيرًا مِنْ أَهْلِي { } هَارُونَ أَخِي { } أَشَدُّ بِهِ أَزْرِي { } وَأَشْرِكُهُ فِي أَمْرِي { }

Surah Taha 20: 29-32

Maksudnya: “Dan jadikanlah bagiku seorang penyokong daripada keluargaku. Iaitu Harun, saudaraku. Kuatkanlah dengan

<sup>30</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 412.

<sup>31</sup> Dalam peperangan Badr al-Kubra, Allah s.w.t. telah menurunkan ayat pertama surah al-Anfal yang menjelaskan bahawa segala urusan pembahagian *ghanimah* hendaklah diserahkan kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w.. Hukum tersebut kemudiannya telah *dinasakhkan* dengan penurunan ayat di atas. Walau bagaimanapun, mufassirin dan fuqaha’ mempunyai pandangan yang pelbagai dalam menentukan pembahagian *ghanimah*.

Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, 13:545-560; al-Qurtubi, *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, 8:3-15; Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, 7:80-90; al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 10:8-19; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 1:390-395; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 3:130-139; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 9:281-305; Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 6:459-463.



sokongannya, pendirianku. Dan jadikanlah dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku.”<sup>32</sup>

Dalam peristiwa di atas, Nabi Musa a.s. telah berdoa kepada Allah s.w.t. agar tanggungjawab besar yang diamanahkan kepadanya dapat diringankan dengan wujudnya perkongsian tanggungjawab bersama saudaranya Nabi Harun a.s..<sup>33</sup>

Firman Allah s.w.t. lagi:

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالٍ نَعَجْتُكَ إِلَىٰ نَعَاجِهِ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْخُلَطَاءِ لِيَبْغِيَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ وَظَنَّ دَاوُدُ أَنَّمَا فَتَنَّاهُ فَاسْتَغْفَرَ رَبَّهُ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ

Surah Sad 38: 24

Maksudnya: “Nabi Daud berkata: “Sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepadamu dengan meminta kambingmu itu (sebagai tambahan) kepada kambing-kambingnya dan sesungguhnya kebanyakan daripada orang-orang yang bergaul dan berhubungan (dalam berbagai-bagai lapangan hidup) setengahnya berlaku zalim kepada setengahnya yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, sedang mereka amatlah sedikit!” Dan Nabi Daud (setelah berfikir sejurus) mengetahui sebenarnya Kami telah mengujinya (dengan peristiwa itu) lalu ia memohon ampun kepada Tuhannya sambil merebahkan dirinya sujud serta ia ruju’ kembali (bertaubat).”<sup>34</sup>

Dalam ayat di atas pula, Allah s.w.t. telah menggunakan perkataan *al-khulata’* (الْخُلَطَاءُ), sinonim kepada perkataan *al-shuraka’* (الشُّرَكَاءُ), yang bermaksud orang-orang yang bercampur gaul di antara satu sama lain. Namun demikian, mufassirin, lughawiyyin dan fuqaha’ menyatakan bahawa terdapat sedikit perbezaan di antara dua

<sup>32</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 776-777.

<sup>33</sup> Menurut pandangan majoriti mufassirin, perkongsian dalam ayat di atas merujuk kepada perkongsian tanggungjawab kenabian dan kerasulan. Nabi Musa a.s. berdoa sedemikian kerana saudaranya Nabi Harun a.s. memiliki beberapa kelebihan terutamanya kepetahannya dalam berbicara.

Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, 16:158-160; al-Qurtubi, *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, 11:129-130, Muhammad b. Yusuf Abu Hayyan al-Andalusi, *Tafsir al-Bahr al-Muhit* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 6:223-225; Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, 9:323-325; al-Alusi, *Ruh al-Ma’ani fi Tafsir al-Qur’an al-‘Azim wa al-Sab’ al-Mathani* (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.), 16:181-185.

<sup>34</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 1206.

perkataan tersebut. Dalam ayat di atas, *al-khulata'* lebih menjurus ke arah percampuran harta berbanding perkongsian harta.<sup>35</sup>

Secara umumnya, keseluruhan ayat di atas memberikan gambaran bahawa *al-shirkah* adalah suatu bentuk muamalah yang diharuskan dalam Islam. Ia telah digambarkan secara *isharat al-nas* di mana kefahaman tentang sesuatu pengertian tidak terlintas berdasarkan lafaz sesuatu nas dan tidak dikehendaki daripada konteks nas tersebut, walau bagaimanapun, pengertiannya selari dengan pengertian yang dibawa oleh lafaz sesuatu nas.<sup>36</sup>

Selain itu, terdapat beberapa lagi ayat yang boleh dijadikan asas perundangan kepada *al-shirkah* seperti dalam Surah al-Baqarah 2: 220, al-Kahf 18: 19, al-Zumar 39: 29 dan al-Qalam 68: 17.<sup>37</sup>

### 2.2.2.2 Daripada al-Sunnah

Dalam sebuah hadith qudsi yang telah diriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Allah s.w.t. berfirman:

أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنِ مَا لَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا خَانَ خَانَهُ خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا

Maksudnya: “*Aku ialah pihak ketiga bagi dua pihak yang bersekutu selagi setiap pihak memelihara daripada melakukan sebarang pengkhianatan terhadap sekutunya. Maka apabila satu pihak mengkhianati pihak yang lain, Aku tidak lagi bersama dengan mereka.*”<sup>38</sup>

<sup>35</sup> Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, 15:117-118; Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 14:1230; Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakah*, cet. 2 (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1973), 1:217.

<sup>36</sup> 'Abd al-Wahhab Khallaf, *Ilm Usul al-Fiqh*, cet. 8 (Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, 1956), 143-153.

<sup>37</sup> 'Abd al-'Aziz al-Khayyat, *al-Sharikat*, 9-11.

<sup>38</sup> Riwayat Abu Dawud, al-Hakim, al-Darqutni dan al-Bayhaqi.

Al-Hakim menyatakan bahawa hadith tersebut adalah sahih. Al-Darqutni pula meriwayatkan hadith tersebut dengan dua riwayat yang berbeza. Yang pertama adalah sebagaimana di atas, manakala yang kedua adalah seperti berikut:

يَدُ اللَّهِ عَلَى الشَّرِيكَيْنِ مَا لَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا خَانَ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ رَفَعَهَا عَنْهُمَا

Abu Dawud Sulayman b. al-Ash'ath al-Azdiyi al-Sajastani, *Sunan Abi Dawud* (t.tp., Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah, t.t.), 3:256 (Kitab al-Buyu', Bab al-Sharikah, no. hadith 3373); al-Hakim, *al-Mustadrak*, 2:67 (Kitab al-Buyu', no. hadith 2377); 'Ali b. 'Umar al-Darqutni, *Sunan al-Darqutni* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2004), 3:442-443 (Kitab al-Buyu', Bab al-Sulh, no. hadith 2933-2934); Abu Bakr Ahmad b. al-Husayn b. 'Ali al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, cet. 3 (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 6:130 (Kitab al-Sharikah, Bab al-Amanat fi al-Sharikah wa al-Khiyanah, no. hadith 11424-11425).

Dalam hadits qudsi di atas, Allah s.w.t. bukan sahaja mengharuskan *al-shirkah*, bahkan Dia menurunkan keberkatan-Nya, memelihara harta benda dan mencurahkan rezeki ke atas setiap pihak yang bersekutu. Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah, ia menggambarkan bahawa *al-shirkah* adalah suatu perkara yang *mustahab* (dituntut oleh syara').<sup>39</sup>

Dalam sebuah hadits yang telah diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas r. 'anhuma, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

المُسْلِمُونَ شُرَكَاءُ فِي ثَلَاثٍ: فِي الْمَاءِ وَالْكَلاءِ وَالنَّارِ

Maksudnya: “Orang Islam itu bersekutu dalam tiga perkara iaitu: air, rumput dan api.”<sup>40</sup>

Dalam sebuah hadits yang lain, al-Sa'ib r.a. telah berkata:

أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَعَلُوا يُشْنُونَ عَلَيَّ وَيَذْكُرُونِي فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَا أَعْلَمُكُمْ - يَعْنِي بِهِ - قُلْتُ: صَدَقْتَ، بَأَبِي أَنْتَ وَأُمِّي كُنْتُ شَرِيكِي فَنَعِمَ الشَّرِيكُ، كُنْتُ لَا تُدَارِي وَلَا تُمَارِي

Maksudnya: “Aku telah datang berjumpa dengan Nabi s.a.w., maka mereka mula memuji dan memperkatakan sesuatu tentangku. Lalu Rasulullah s.a.w. berkata: “Aku lebih mengetahui tentangnya daripada kamu semua.” Aku pun berkata: “Benar, aku rela menebus dirimu dengan ibu dan bapaku. Kamu ialah sekutuku dan sebaik-baik sekutu. Kamu tidak pernah menghalangku dan kamu tidak pernah bercanggahan denganku.”<sup>41</sup>

<sup>39</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, ‘Awn al-Ma’bud Sharh Sunan Abi Dawud, cet. 2 (Madinah: Maktabah al-Salafiyyah, 1969), 9:237 (Kitab al-Buyu’, Bab al-Sharikah).

<sup>40</sup> Riwayat Ibn Majah.

Abu ‘Abd Allah Ibn Majah Muhammad b. Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, cet. 2 (Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1417H), 422 (Kitab al-Ruhun, Bab al-Muslimun Shuraka’ fi Thalath, no. hadits 2472-2473). Al-Albani menyatakan hadits-hadith tersebut adalah sahih.

<sup>41</sup> Riwayat Abu Dawud, Ibn Majah, Ahmad, al-Hakim dan al-Bayhaqi.

Terdapat percanggahan di kalangan muhaddithin berkenaan dengan al-Sa’ib dalam hadits di atas. Ibn Ishaq menyatakan bahawa ia ialah al-Sa’ib b. Abi al-Sa’ib yang mati dibunuh dalam keadaan kafir dalam peperangan Badar di tangan al-Zubayr b. al-‘Awwam. Ibn Hisham menyatakan bahawa ia ialah al-Sa’ib b. Abi al-Sa’ib yang telah memeluk Islam dan menyempurnakan keislamannya. Ibn Shihab menyatakan bahawa ia ialah salah seorang sahabat yang pernah berhijrah bersama Rasulullah s.a.w. dan baginda pernah memberikan *ghanimah* kepadanya semasa peperangan Hunayn. Ahmad b. Hanbal pula menyatakan bahawa sememangnya terdapat *al-majhul* (individu yang tidak dikenali) dalam hadits di atas, namun ia masih diklasifikasikan sebagai hadits sahih berdasarkan pandangan al-Haythami, al-Tabrani, al-Hakim, al-Dhahabi dan al-Bayhaqi yang meriwayatkan dan mengiktiraf kesahihan hadits tersebut.

Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, 4:260, (Kitab al-Adab, Bab fi Karahiyah al-Mira’, no. hadits 4836); Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 392 (Kitab al-Tijarah, Bab al-Sharikah wa al-Mudarabah, no. hadits 2287). Al-Albani menyatakan hadits tersebut adalah sahih; Ahmad b. Muhammad b. Hanbal, *al-Musnad*, (Kaherah:

Al-Barra' b. 'Azib r.a. dan Zayd b. Arqam r.a. pula pernah menjadi sekutu atau rakan kongsi perniagaan di zaman Rasulullah s.a.w.. Perkara ini telah dijelaskan sendiri oleh al-Barra' setelah diajukan satu soalan oleh Abu al-Minhal dengan berkata:

فَعَلْتُ أَنَا وَشَرِيكِي زَيْدُ بْنُ أَرْقَمٍ وَسَأَلْنَا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ: مَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ فَخَذُوهُ وَمَا كَانَ نَسِيئَةً فَرُدُّوهُ

Maksudnya: *Aku dan sekutuku, Zayd b. Arqam telah melakukan perbuatan tersebut (pertukaran emas dan perak secara tunai dan hutang). Kemudian kami bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang hal yang demikian. Baginda s.a.w. bersabda: “Jika pertukaran itu berlaku secara tunai, maka ambillah ia dan jika ia berlaku secara hutang maka kembalikanlah ia.”*<sup>42</sup>

Secara umumnya, keseluruhan hadith di atas memberikan gambaran bahawa *al-shirkah* adalah suatu bentuk muamalah yang diharuskan dalam Islam. Ia telah digambarkan dalam pelbagai bentuk hadith sama ada yang bersifat *qawli* (perkataan), *fi'li* (perbuatan) dan juga *taqriri* (pengakuan).

Selain itu, terdapat banyak lagi hadith yang boleh dijadikan asas perundangan kepada *al-shirkah* seperti dalam “*Kitab al-Shirkah*”, satu bab khusus yang menghimpunkan pelbagai hadith yang berkaitan dengan *al-shirkah* oleh al-Bukhari dan al-Bayhaqi.<sup>43</sup>

---

Dar al-Hadith, 1995), 12:207-210 (Musnad al-Makkiyyin, Hadith al-Sa'ib b. Abdullah r.a., no. hadith 15441); al-Hakim, *al-Mustadrak*, 2:77 (Kitab al-Buyu', no. hadith 2412); al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 6:129-130 (Kitab al-Sharikah, Bab al-Ishtirak fi al-Amwal wa al-Hadaya, no. hadith 11422); al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:444.

<sup>42</sup> Riwayat al-Bukhari dan Ahmad.

Abu 'Abd Allah Muhammad b. Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih* (Kaherah: Matba'ah al-Salafiyah, 1400H), 2:77 (Kitab al-Buyu', Bab al-Tijarah fi al-Bazz wa Ghayrih, no. hadith 2060-2061), 2:108-109 (Bab Bay' al-Waraq bi al-Dhahab Nasiah, no. hadith 2180-2181), 2:207 (Kitab al-Sharikah, Bab al-Ishtirak fi al-Dhahab wa al-Fiddah wama yakun fihi al-Sarf, no. hadith 2497-2498), 3:79 (Kitab Manaqib al-Ansar, Bab Kayf Akha al-Nabi s.a.w. bayna Ashabih, no. hadith 3939-3940). Hadith di atas adalah hadith 2497 dan 2498; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, 14:429, 437-440, 442-443 dan 445-446 (Musnad al-Kufiyyin, Hadith Zayd b. 'Arqam, no. hadith 19170-19173, 19203, 19206, 19213, 19222, 19226 dan 19234).

<sup>43</sup> Al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih*, 2:203-209; al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 6:129-131.

### 2.2.2.3 Daripada al-Ijma'

Keharusan *al-shirkah* telah diterima oleh segenap umat Islam secara ijma'. Ia telah diamalkan sejak zaman *jahiliyyah*, merentasi '*ahd al-tashri*' (zaman pensyariatan)<sup>44</sup> dan seterusnya mendapat pengiktirafan daripada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w..

Beberapa riwayat telah menyatakan bahawa Nawfal b. al-Harith b. 'Abd al-Muttalib ialah sekutu kepada al-'Abbas b. 'Abd al-Muttalib dalam *al-shirkah* yang kini lebih dikenali sebagai *shirkat al-mufawadah*, al-'Abbas b. Mirdas al-Sulami bersekutu dengan Harb b. 'Umayyah, al-'Abbas b. Anas bersekutu dengan 'Abd Allah b. 'Abd al-Muttalib (ayahanda Rasulullah s.a.w.), Hakim b. Hizam dan Sayfi b. 'Aid bersekutu dengan Rasulullah s.a.w. sebelum kenabian ketika dalam perdagangan ke Yaman dan al-Sa'ib r.a. (sebagaimana dalam perbincangan terdahulu). Para pedagang dari Yaman dan al-Hira yang sentiasa berulang-alik ke Makkah dan Madinah juga turut diriwayatkan terlibat dengan *al-shirkah* sebelum kedatangan Islam.<sup>45</sup> Ia terus diamalkan sehinggalah ke hari ini tanpa wujud sebarang bentuk penafian terhadap keharusannya.<sup>46</sup>

Menurut Ibn Qudamah: "Seluruh umat Islam telah bersepakat menerima keharusan *al-shirkah*. Perselisihan yang wujud hanyalah dalam menentukan keharusan beberapa kategorinya sahaja".<sup>47</sup> Al-Mundhir pula menyenaraikan *al-shirkah* sebagai salah satu permasalahan fiqh yang telah mencapai martabat ijma' mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.<sup>48</sup>

---

<sup>44</sup> 'Abd al-'Aziz al-Khayyat, *al-Sharikat*, 11-12; Abdullah Alwi, *Sales and Contracts*, 104.

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:7.

<sup>47</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 7:109.

<sup>48</sup> Abu Bakr Muhammad b. Ibrahim al-Mundhir al-Naysaburi, *al-Ijma'*, cet. 2 ('Ajman: Maktabah al-Furqan, 1999), 137.

#### 2.2.2.4 Dalil Akal (Logik)

*Al-shirkah* adalah suatu kontrak yang memberikan kemudahan dan kesenangan dalam kehidupan manusia. Kemampuan manusia untuk memenuhi setiap keperluan dalam kehidupan mereka adalah begitu terbatas. Setiap individu memerlukan di antara satu sama lain agar kehidupan dapat berjalan dengan sempurna.<sup>49</sup>

Seseorang yang memiliki harta kekayaan, berkemungkinan tidak memiliki kepakaran dan kemahiran dalam sesuatu pekerjaan atau mengalami masalah kekurangan modal untuk memulakan sesebuah perniagaan atau perusahaan. Begitulah juga sebaliknya, seseorang yang memiliki kepakaran dan kemahiran dalam sesuatu pekerjaan, berkemungkinan mengalami masalah kekurangan modal untuk memulakan pekerjaannya. Sehubungan dengan itu, Allah s.w.t. telah mengharuskan *al-shirkah* agar manusia dapat bekerjasama dan tolong-menolong di antara satu sama lain dalam memenuhi setiap keperluan dalam kehidupan mereka. Di samping itu, ia juga merupakan salah satu instrumen yang dapat merencanakan aktiviti ekonomi serta memaksimumkan manfaat sumber kekayaan dan kemahiran manusia.<sup>50</sup>

Menurut al-Shatibi, kontrak-kontrak seumpama *al-shirkah* adalah suatu keperluan dalam kehidupan manusia yang bertaraf *hajiyyat*. Pengharusannya memudahkan kehidupan manusia serta menjauhkan kemusnahan dan kesukaran daripada kehidupan mereka.<sup>51</sup>

---

<sup>49</sup> Abd al-Rahman b. Muhammad b. Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 33.

<sup>50</sup> Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:220; ‘Abd al-‘Aziz al-Khayyat, *al-Sharikat*, 12-13.

<sup>51</sup> Abu Ishaq Ibrahim b. Musa b. Muhammad al-Lakhmi al-Shatibi, *al-Muwafaqat* (Arab Saudi: Dar Ibn ‘Affan, 1997), 2:21-22.

### 2.2.3 Pembahagian *al-Shirkah*

Majoriti fuqaha' membahagikan *al-shirkah* kepada dua kategori utama iaitu *shirkat al-milk* dan *shirkat al-'aqd*,<sup>52</sup> manakala sebahagian fuqaha' Hanafi menambah satu lagi kategori iaitu *shirkat al-ibahah*.<sup>53</sup>

#### 2.2.3.1 *Shirkat al-Milk*

*Shirkat al-milk* bermaksud kewujudan sesuatu yang dikongsi bersama oleh dua individu atau lebih melalui salah satu cara pemilikan seperti pembelian, penerimaan hibah, wasiat dan harta pusaka atau harta dicampurkan atau berlaku percampuran harta di mana kadar pemilikan setiap pihak tidak dapat dasingkan dan dibezakan di antara satu dengan yang lain.<sup>54</sup>

Ia boleh berlaku secara *ikhtiyari* (sukarela) atau *ijbari* (paksaan). Perkongsian secara *ikhtiyari* berpunca daripada tindakan individu yang terlibat sama ada dengan cara percampuran harta, pembelian, penerimaan sedekah, hibah atau wasiat, manakala perkongsian secara *ijbari* tidak melibatkan sebarang tindakan daripada individu yang terlibat dan ia berlaku dengan cara percampuran harta atau pewarisan harta pusaka.<sup>55</sup>

Dalam *shirkat al-milk*, setiap pihak yang bersekutu hanya dibenarkan menggunakan bahagiannya sahaja tanpa mempunyai sebarang kuasa untuk menggunakan bahagian pihak yang lain. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak yang bersekutu dibenarkan untuk melaksanakan beberapa kontrak seperti jual beli, sewa, gadai, *mudarabah*, *musharakah* dan pelbagai lagi dengan syarat ia telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang terlibat. Sebarang pertambahan atau pengurangan yang

---

<sup>52</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:56; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 3:12; al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqaiq*, 3:313; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:217-218; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 7:109; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:189.

<sup>53</sup> 'Ali Haydar, *Durar al-Hukkam*, 10:2, art. 1045; C. R. Tyser et al., *The Mejelle*, 166, art. 1045; al-Misri, *Fiqh al-Mu'amalat al-Maliyyah*, 225; Imran Ahsan Khan, *Islamic Law*, 14-16; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 68-69.

<sup>54</sup> 'Ali Haydar, *Durar al-Hukkam*, 10:9, art. 1060; C. R. Tyser et al., *The Mejelle*, 167, art. 1060.

<sup>55</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:56; al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqaiq*, 3:313; 'Ali Haydar, *Durar al-Hukkam*, 10:13, art. 1062-1065; C. R. Tyser et al., *The Mejelle*, 168, art. 1062-1065; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:218.

berlaku hendaklah dikongsi bersama mengikut kadar pemilikan masing-masing.<sup>56</sup> Namun demikian, pada kebiasaannya, *shirkat al-milk* hanya melibatkan perkongsian hak milik ke atas sesuatu harta sahaja tanpa melibatkan sebarang usahasama untuk memajukan atau mengeksploitasikan harta tersebut untuk sebarang tujuan keuntungan.<sup>57</sup> Jika kedua-dua pihak yang terlibat bersetuju untuk melibatkan diri dalam sebarang usahasama bermotifkan keuntungan, maka hukum *shirkat al-milk* akan berubah kepada hukum *shirkat al-‘aqd*.

Dalam permasalahan *shirkat al-milk* ini, ‘Abd al-Sattar Abu Ghuddah telah menggariskan beberapa hukum yang berkaitan dengannya iaitu:<sup>58</sup>

- i. Seorang pemegang saham tidak dibenarkan untuk menjual, menyewa atau terlibat dalam sebarang bentuk kontrak lain yang melibatkan saham pemilikan sekutunya melainkan dengan kebenaran pihak yang bersekutu.
- ii. Pemegang saham berhak untuk menjual saham pemilikannya sama ada kepada sekutunya atau pihak lain walaupun tanpa kebenaran pihak yang bersekutu.
- iii. Harta perkongsian tidak boleh diguna atau dimanfaatkan oleh satu pihak sahaja melainkan dengan kebenaran pihak yang bersekutu.
- iv. Dalam kes ketiadaan atau kematian pihak yang bersekutu, pihak yang hadir atau masih hidup dibenarkan untuk mengguna atau mengambil manfaat daripada harta perkongsian dengan cara yang tidak merosakkan harta berkenaan.
- v. Jika harta perkongsian memerlukan perbelanjaan dan salah satu pihak belum bersedia untuk berkongsi perbelanjaan tersebut, harta akan dibahagikan (jika boleh). Pihak yang tidak bersetuju tidak boleh dipaksa untuk mengeluarkan perbelanjaan tetapi harta akan dibahagikan untuk membenarkan pihak lain

---

<sup>56</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Kasani, *Badai‘ al-Sanai‘*, 6:65; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3; ‘Ali Haydar, *Durar al-Hukkam*, 10:10 dan 17-18.

<sup>57</sup> Ab. Mumin, *Sistem Kewangan Islam*, 381.

<sup>58</sup> ‘Abd al-Sattar Abu Ghuddah, *Buhuth fi al-Mu‘amalat wa al-Asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyyah* (Jeddah: Majmu‘at Dallah al-Barakah, 2008), vol. 8, 39-40.



menguruskan saham pemilikannya. Jika harta tidak boleh dibahagikan, maka pihak yang tidak bersetuju boleh dipaksa untuk mengeluarkan perbelanjaan. Perkongsian hak milik berakhir apabila objek atau hak penggunaan dibahagikan antara pihak-pihak yang terlibat.

### 2.2.3.2 *Shirkat al-'Aqd*

Fuqaha' berbeza pandangan dalam memberikan definisi *shirkat al-'aqd*. Sebahagiannya mengabaikan perbincangan ini dan mengambil pendekatan menghuraikan definisi setiap kategori *shirkat al-'aqd* mengikut pembahagian yang telah ditetapkan dalam setiap madhhab.<sup>59</sup>

Menurut Ibn 'Abidin, *shirkat al-'aqd* bermaksud suatu kontrak di antara dua individu atau lebih yang bersekutu dalam mengeluarkan modal dan memperolehi keuntungan.<sup>60</sup> Pandangan ini disokong oleh 'Ali Khafif dengan mengemukakan sedikit penambahbaikan terhadap definisi tersebut iaitu suatu kontrak di antara dua individu atau lebih yang bersekutu dalam mengeluarkan modal dan memperolehi keuntungan atau suatu kontrak di antara dua individu atau lebih yang bersekutu dalam memperolehi keuntungan tanpa perkongsian dalam pengeluaran modal. Kontrak yang dimaksudkan ialah *shirkat al-mudarabah*.<sup>61</sup>

Fuqaha' juga berbeza pandangan dalam pembahagian *shirkat al-'aqd*. Majoritinya membahagikan *shirkat al-'aqd* kepada empat kategori iaitu *shirkat al-*

---

<sup>59</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151-152; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:56-57; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3-11; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 3:12-18; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 2:251-255; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:30, 46, 51 dan 63; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:274-275; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:4-5; al-Qalyubi dan 'Umayrah, *Hashiyatan al-Qalyubi wa 'Umayrah*, 2:332-333; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:446-447; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 149-151; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:218; Muwaffaq al-Din Abu Muhammad 'Abd Allah b. Ahmad b. Muhammad b. Qudamah, *al-Kafi* (Jizah: Hajr li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa Al-I'lan, 1997), 3:329-340.

<sup>60</sup> Ibn 'Abidin, *Radd al-Muhtar*, 6:466.

<sup>61</sup> 'Ali Khafif, *al-Sharikat fi al-Fiqh al-Islami Buhuth Muqaranah* (t.tp., Jami'ah al-Duwal al-'Arabiyyah, t.t.), 19.

*abdan*, *shirkat al-mufawadah*, *shirkat al-wujuh* dan *shirkat al-'inan*,<sup>62</sup> manakala sebahagian fuqaha' Hanafi membahagikannya kepada tiga kategori iaitu *shirkat al-amwal*, *shirkat al-a'mal* dan *shirkat al-wujuh*. Setiap kategori tersebut kemudiannya dibahagikan pula kepada dua sub-kategori iaitu *shirkat al-mufawadah* dan *shirkat al-'inan*.<sup>63</sup> Selain tu, madhhab Maliki dan Hanbali juga turut menyenaraikan *shirkat al-mudarabah* sebagai salah satu kategori dalam *shirkat al-'aqd*.<sup>64</sup>

Dalam madhhab Hanafi, semua kategori *shirkat al-'aqd* adalah diharuskan,<sup>65</sup> begitu juga dalam madhhab Maliki dan Hanbali. Namun demikian, madhhab Maliki tidak mengharuskan *shirkat al-wujuh* dan *shirkat al-mufawadah* (sebagaimana yang difahami dalam madhhab Hanafi)<sup>66</sup> dan madhhab Hanbali pula tidak mengharuskan *shirkat al-mufawadah*.<sup>67</sup> Dalam madhhab Shafi'i pula, hanya satu kategori sahaja yang diharuskan iaitu *shirkat al-'inan*.<sup>68</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, *shirkat al-'aqd* tidak terbatas kepada perkongsian semata-mata. Sebaliknya, ia memberikan penekanan terhadap penglibatan bersama dalam sebarang usaha yang hendak dijalankan dan perkongsian tersebut merangkumi pengeluaran modal serta pembahagian untung rugi.<sup>69</sup>

Secara umumnya, fuqaha' mempunyai pandangan yang pelbagai terhadap setiap kategori *shirkat al-'aqd*. Walau bagaimanapun, perselisihan tersebut tidak menzahirkan perbezaan yang ketara di antara satu madhhab dan madhhab yang lain melainkan dalam permasalahan keharusannya sahaja.

---

<sup>62</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 2:251; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:31; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:274-275; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:4-5; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:447; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 149-151; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:221-222.

<sup>63</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sana'i'*, 6:56-57; al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqaiq*, 3:313.

<sup>64</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:351; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 7:109; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:189-218.

<sup>65</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:151; al-Kasani, *Badai' al-Sana'i'*, 6:57; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3-12.


<sup>66</sup> Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 2:251-255; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 3:20-49.

<sup>67</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 7:120-123 dan 137; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:189-192 dan 213-218.

<sup>68</sup> Al-Shafi'i, *al-'Umm*, 4:487; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:31; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:274-275; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:4-5; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:447; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 149-151; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:221-222.

<sup>69</sup> Ab. Mumin, *Sistem Kewangan Islam*, 381.

**Jadual 2.1**  
**Pembahagian *al-Shirkah***



Sumber: Diubahsuai dari pelbagai kitab fiqh.

Untuk memudahkan perbincangan dalam bahagian ini, berikut ialah huraian setiap kategori *shirkat al-'aqd* mengikut perspektif madhhab Shafi'i:<sup>70</sup>

i. *Shirkat al-abdan* (perkongsian kerjaya)

*Shirkat al-abdan* atau *al-a'mal* bermaksud suatu perkongsian di antara dua individu atau lebih yang tidak melibatkan modal kewangan, sebaliknya kedua-dua pihak bersekutu dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan (sama ada pekerjaan yang dilakukan adalah serupa atau sebaliknya) dan keuntungan yang diperolehi dibahagikan kepada setiap pihak yang bersekutu (sama ada secara sama rata atau sebaliknya).

ii. *Shirkat al-mufawadah* (perkongsian setara)

*Shirkat al-mufawadah* bermaksud suatu perkongsian di antara dua individu atau lebih dalam mengeluarkan modal kewangan di mana setiap pihak merupakan *wakil* dan

<sup>70</sup> Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:221-222.

*kafil* kepada pihak lain dan keuntungan dan kerugian ditanggung secara bersama oleh kedua-dua pihak yang terlibat.

iii. *Shirkat al-wujuh* (perkongsian kredit)

*Shirkat al-wujuh* bermaksud suatu perkongsian di antara dua individu atau lebih yang tidak melibatkan modal kewangan mahupun pekerjaan, sebaliknya menggunakan pengaruh, kedudukan dan pangkat pihak yang bersekutu untuk memperolehi sesuatu secara hutang dan keuntungan yang diperolehi dibahagikan kepada setiap pihak yang bersekutu (sama ada secara sama rata atau mengikut perjanjian yang ditetapkan).

iv. *Shirkat al-'inan* (perkongsian modal)

*Shirkat al-'inan* bermaksud suatu perkongsian di antara dua individu atau lebih dalam mengeluarkan modal kewangan dan keuntungan yang diperolehi dibahagikan kepada setiap pihak yang bersekutu.

## 2.2.4 Rukun dan Syarat *al-Shirkah*

### 2.2.4.1 Rukun-rukun *al-Shirkah*<sup>71</sup>

Fuqaha' berselisih pendapat dalam menentukan rukun-rukun *al-shirkah*. Majoritinya menyatakan bahawa ia terdiri daripada tiga perkara iaitu:<sup>72</sup>

- i. *Al-'aqidan* (dua pihak yang berkontrak)
- ii. *Al-sighah* (bentuk kontrak)
- iii. *Al-ma'qud 'alayh* (subjek kontrak).

---

<sup>71</sup> Rukun-rukun *al-shirkah* yang dibincangkan oleh fuqaha' sebenarnya merujuk kepada rukun-rukun *shirkat al-'aqd*. Walau bagaimanapun, sebahagian besar perbincangan tersebut boleh diselaraskan dengan *shirkat al-milk* dalam beberapa permasalahan seperti syarat-syarat *al-'aqidan* dan *al-sighah*.

<sup>72</sup> Menurut Muhammad Najib al-Muti'i, rukun-rukun *al-shirkah* terdiri daripada empat perkara. Walau bagaimanapun, ia hanyalah *khilaf lafzi* semata-mata di mana *al-'aqidan* dijadikan dua rukun yang berasingan. Al-Sharbini dan al-Bujayrimi pula menambah satu lagi rukun iaitu *al-'amal*. Namun begitu, ia dianggap sebagai satu pandangan yang lemah.

Al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 8:20-21; Abu Hamid Muhammad b. Muhammad b. Muhammad b. al-Ghazali, *al-Wajiz fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i* (Beirut: Dar al-Arqam b. Abi al-Arqam, 1997), 1:357-358; Abu al-Qasim 'Abd al-Karim b. Muhammad b. 'Abd al-Karim al-Rafi'i al-Qazwini al-Shafi'i, *al-'Aziz Sharh al-Wajiz* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 5:185-187; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:5; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:447.

Madhhab Hanafi pula membataskan permasalahan tersebut kepada satu rukun sahaja iaitu *al-sighah*.<sup>73</sup>

#### i. *Al-'aqidan*

Dalam *al-shirkah*, kedua-dua pihak yang berkontrak dinamakan sebagai *al-musharik* atau *al-sharik* (rakan kongsi). Setiap pihak hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, permasalahan ini tidak banyak dibahasakan oleh fuqaha' di mana majoritinya mengambil pendekatan menyatakan bahawa setiap pihak yang berkontrak mestilah memiliki kelayakan untuk melaksanakan *tawkil* (mewakulkan) dan *tawakkul* (diwakulkan). Kelayakan ini penting kerana setiap pihak memiliki kuasa untuk menggunakan hartanya sebagai pemilik dan harta pihak yang bersekutu sebagai *wakil* setelah diberikan keizinan kepadanya.<sup>74</sup> Atas dasar ini jugalah, sebahagian fuqaha' menyatakan bahawa *al-shirkah* yang melibatkan *dhimmi* atau seseorang yang tidak memelihara dirinya daripada perbuatan syubhah dan riba adalah *makruh* atau tidak sah.<sup>75</sup>

Secara umumnya, syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh *al-musharik* adalah sama sepertimana syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh *al-'aqidan* dalam jual beli biasa iaitu:

##### 1. *Al-'aqil* (seorang yang berakal)

Dalam *al-shirkah*, pihak yang berkontrak atau *al-musharik* hendaklah seorang yang berakal. Syarat ini telah diterima oleh fuqaha' secara ijma'.<sup>76</sup> Namun demikian, terdapat juga sebahagian fuqaha' menggunakan perkataan *al-tamyiz* (kemampuan untuk

---

<sup>73</sup> Al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:3; Ibn 'Abidin, *Radd al-Muhtar*, 6:474.

<sup>74</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:58-59; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 8:20; al-Ghazali, *al-Wajiz*, 1:358; al-Rafi'i, *al-'Aziz*, 5:186; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:6; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 152.

<sup>75</sup> Al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:4; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 3:13; al-Rafi'i, *al-'Aziz*, 5:186; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:6; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:329.

<sup>76</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 5:135; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:153; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7-8; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

membezakan di antara baik dan buruk) sebagai ganti kepada perkataan *al-'aqil*.<sup>77</sup> Berdasarkan syarat ini, kontrak yang melibatkan orang gila dan kanak-kanak yang belum berakal adalah terbatal dan tidak mendatangkan sebarang kesan di sisi syara'.<sup>78</sup>

## 2. *Al-baligh* (sampai umur)

*Al-musharik* hendaklah seorang yang baligh. Syarat ini telah dipersetujui oleh majoriti fuqaha' kecuali madhhab Hanafi.<sup>79</sup> Berdasarkan syarat ini, kontrak yang melibatkan kanak-kanak yang sudah berakal atau *mumayyiz* tetapi belum mencapai usia baligh adalah terbatal dan tidak sah.<sup>80</sup>

Walau bagaimanapun, al-Bahuti daripada madhhab Hanbali berpandangan terdapat pengecualian terhadap kontrak yang melibatkan kanak-kanak yang *mumayyiz* dan *al-safih*. Jika ia disertakan dengan keizinan daripada wali kedua-duanya, maka hukumnya adalah sah. Begitu juga jika ia melibatkan sesuatu yang kurang bernilai dan kurang berharga, maka hukumnya juga adalah sah walaupun tanpa keizinan wali.<sup>81</sup> Kesemua pandangan di atas sebenarnya telah disandarkan kepada beberapa asas perundangan yang sama tetapi dilihat menurut perspektif yang berbeza.

Firman Allah s.w.t.:

وَأَتُوا الْيَتَامَىٰ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَتَبَدَّلُوا الْخَبِيثَ بِالطَّيِّبِ وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَهُمْ إِلَىٰ أَمْوَالِكُمْ إِنَّهُ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا

Surah al-Nisa' 4: 2

Maksudnya: “Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka dan janganlah kamu tukar gantikan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka

<sup>77</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 4:354.

<sup>78</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 5:135; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:153; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7-8; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

<sup>79</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 5:135; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:348; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:153; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7-8; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

<sup>80</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:348; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:153; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7-8; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

<sup>81</sup> Al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

(dengan menghimpunkannya) dengan harta kamu kerana sesungguhnya (yang demikian) itu ialah dosa yang besar.”<sup>82</sup>

Firman Allah s.w.t. lagi:

وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آنَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَنْ يَكْبُرُوا وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهَدُوا عَلَيْهِمْ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا

Surah al-Nisa’ 4: 6

Maksudnya: “Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak daripada keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. Dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya, maka hendaklah ia menahan diri (daripada memakannya) dan sesiapa yang miskin, maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka dan cukuplah Allah sebagai pengawas (akan segala yang kamu lakukan).”<sup>83</sup>

Dalam beberapa hadith yang telah diriwayatkan daripada Umm al-Mukminin

‘Aishah r. ‘anha dan ‘Ali b. Abi Talib r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّىٰ يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّىٰ يَحْتَلِمَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّىٰ يَعْقِلَ

Maksudnya: “Diangkat mata pena bagi tiga golongan manusia: orang yang tidur sehinggalah ia bangun, kanak-kanak sehinggalah ia bermimpi (baligh) dan orang gila sehinggalah ia kembali sedar (berakal).”<sup>84</sup>

<sup>82</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 178.

<sup>83</sup> *Ibid.*, 180.

<sup>84</sup> Riwayat Abu Dawud, al-Nasa’i, Ibn Majah dan al-Hakim.

Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, 4:139-140, (Kitab al-Hudud, Bab fi al-Majnun Yasriq aw Yusib Haddan, no. hadith 4398-4403). Hadith di atas ialah hadith 4403; Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad b. Shu’aib b. ‘Ali al-Nasa’i, *al-Sunan al-Kubra* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2001), 5:265 (Kitab al-Talaq, Bab man la Yaqa’ Talaquhu min al-Azwaj, no. hadith 5596); Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 352-353 (Kitab al-Talaq, Bab Talaq al-Ma’tuh wa al-Saghir wa al-Naim, no. hadith 2041-2042). Al-Albani menyatakan hadith tersebut adalah sahih; al-Hakim, *al-Mustadrak*, 4:543-544 (Kitab al-Hudud, no. hadith 8248-8251).

Mufassirin dan fuqaha' berbeza pandangan terhadap nas-nas di atas. Al-Hasan, Qatadah dan beberapa lagi menyatakan bahawa *al-rushd* yang dimaksudkan dalam ayat 6, Surah al-Nisa' ialah kebijaksanaan akal dan pegangan agama yang baik. Ibn 'Abbas, al-Suddi dan al-Thawri menyatakan bahawa ia bermaksud kebijaksanaan akal dan kepintaran dalam menguruskan harta benda. Mujahid pula menyatakan bahawa perkataan *al-rushd* secara khususnya merujuk kepada kebijaksanaan akal fikiran. Oleh sebab *al-rushd* adalah sesuatu yang bersifat subjektif, maka majoriti fuqaha' membuat suatu kesimpulan dengan menyatakan bahawa tahap tersebut tidak dapat dicapai melainkan setelah seseorang itu mencapai usia baligh.<sup>85</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, penulis cenderung untuk menyatakan bahawa pandangan al-Bahuti adalah lebih tepat dan mudah untuk dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Ia bukanlah secara mutlak, tetapi bergantung kepada kebenaran wali. Jika kontrak tersebut dipersetujui, maka ia adalah sah dan jika sebaliknya, maka ia adalah terbatal.<sup>86</sup> Menurut al-Kibbi pula, kanak-kanak yang sudah berakal atau *mumayyiz* tetapi belum mencapai usia baligh dikategorikan sebagai seseorang yang memiliki *ahliyyat al-wujub al-kamilah* (kelayakan untuk melaksanakan dan menerima sesuatu kewajipan tanggungjawab secara sepenuhnya) dan *ahliyyat al-ada' al-naqisah* (kelayakan untuk melangsungkan atau menunaikan sesuatu pekerjaan secara tidak sempurna atau tidak mengundang kepada sebarang bentuk perjanjian atau kesan sampingan). Ini bermakna kanak-kanak tersebut bertanggungjawab di atas setiap perbuatan yang dilakukannya seperti tanggungjawab membayar barang dagangan, sewa, ganti rugi dan yang seumpama dengannya tetapi kelangsungan perbuatan tersebut memerlukan kepada kebenaran pihak yang lain memandangkan kelayakannya masih

---

<sup>85</sup> Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, 7:576-578; al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, 3:26; Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 3:354.

<sup>86</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 5:135; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463; Sa'd al-Din Muhammad al-Kibbi, *al-Mu'amalat al-Maliyah al-Mu'asarah fi Daw' al-Islam* (Beirut: al-Maktab al-Islami, 2002), 30-44; Hamid b. Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah, Dirasah Fiqhiyyah Ta'siliyyah Tatbiqiyah* (Riyad: Dar al-Mimam, 2008), 105-106.



belum sempurna.<sup>87</sup> Permasalahan ini turut dianalisis oleh Hamid Hasan Mirah dan beliau telah mentarjihkan pandangan yang sama.<sup>88</sup>

### 3. *Al-rushd* (kepintaran dan kecerdikan)

*Al-musharik* hendaklah seorang yang memiliki sifat *al-rushd*. Ia bermaksud kepintaran dan kecerdikan dalam menguruskan harta benda.<sup>89</sup> Syarat ini telah dipersetujui oleh majoriti fuqaha' kecuali madhhab Hanafi.<sup>90</sup> Berdasarkan syarat ini, kontrak yang melibatkan *al-mahjur 'alayh* (seseorang yang disekat daripada pengurusan harta) seperti *al-safih* (seseorang yang tidak pandai menguruskan harta benda atau membelanjakan harta bendanya bertentangan dengan kehendak akal dan pemikiran yang waras)<sup>91</sup> adalah terbatal dan tidak mendatangkan sebarang kesan di sisi syara'.<sup>92</sup>

### 4. *Al-rida* (keredaan)

*Al-musharik* hendaklah seorang yang melaksanakan kontrak dalam keadaan *al-rida*. Syarat ini telah diterima oleh fuqaha' secara ijma', namun tidak dinyatakan secara jelas dalam perbahasan syarat-syarat *al-shirkah*. Berdasarkan syarat ini, kontrak yang melibatkan paksaan atau secara *fuduli* adalah terbatal dan tidak sah.<sup>93</sup>

Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ  
مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Surah al-Nisa' 4: 29

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang

<sup>87</sup> Al-Kibbi, *al-Mu'amalat*, 30-33.

<sup>88</sup> Hamid Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah*, 105-106.

<sup>89</sup> Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, 7:576-578; al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, 3:26; Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 3:354; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7.

<sup>90</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 5:135; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:348; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:153; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:6; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

<sup>91</sup> Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7; Hamid Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah*, 107.

<sup>92</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:348; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:153; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:6; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

<sup>93</sup> Al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

*salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan dengan secara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”<sup>94</sup>*

Dalam sebuah hadith, Ibn ‘Abbas r. ‘anhuma telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ وَضَعَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنَّسْيَانَ وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah s.w.t. menggugurkan daripada umatku perbuatan yang disebabkan oleh kesalahan, lupa dan paksaan.”<sup>95</sup>

#### 5. *Al-hurriyyah* (kemerdekaan).

*Al-musharik* hendaklah seorang yang merdeka. Syarat ini telah dipersetujui oleh majoriti fuqaha’ kecuali madhhab Hanafi.<sup>96</sup> Dalam madhhab Hanafi, kontrak yang melibatkan hamba adalah sah tetapi bergantung kepada kebenaran tuannya, manakala di sisi majoriti fuqaha’, kontrak tersebut adalah terbatal dan tidak sah.<sup>97</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, penulis berpandangan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh *al-musharik* hanya terdiri daripada tiga perkara sahaja iaitu *al-‘aqil*, *al-rushd* dan *al-rida*. Hal ini demikian kerana syarat *al-baligh* adalah terlalu ketat dan sukar untuk dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Ia mendatangkan kesukaran bagi seseorang yang berakal serta memiliki kecerdikan dan kepintaran yang selayaknya tetapi belum mencapai usia baligh. Apatah lagi, impak daripada syarat tersebut adalah amat besar di mana sebarang bentuk kontrak yang dilaksanakan olehnya adalah terbatal

<sup>94</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 190.

<sup>95</sup> Riwayat Ibn Majah, al-Hakim dan al-Bayhaqi .

Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 353 (Kitab al-Talaq, Bab Talaq al-Mukrah wa al-Nasi, no. hadith 2045). Al-Albani mengklasifikasikan hadith tersebut sebagai sahih; al-Hakim, *al-Mustadrak*, 2:236 (Kitab al-Talaq, no. hadith 2860); al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 6:139 (Kitab al-Iqrar, Bab man la Yajuz Iqraruhu, no. hadith 11454).

<sup>96</sup> Al-Kasani, *Badai’ al-Sanai’*, 5:135; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:4; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 3:13; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:153; al-Nawawi et al., *al-Majmu’*, 14:13; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina’*, 2:463.

<sup>97</sup> Menurut al-Marghinani dan al-Musili, kontrak yang melibatkan hamba adalah tidak sah melainkan kedua-dua pihak yang berkontrak mempunyai status yang sama. al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:4; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 3:13.

dan tidak sah. Namun demikian, syarat ini tidak boleh diabaikan sama sekali terutamanya dalam kontrak yang melibatkan barang bernilai dan berharga. Sehubungan dengan itu, penulis mencadangkan agar syarat ini hanya dikenakan dalam kontrak yang melibatkan barang bernilai dan berharga sahaja atau pandangan al-Bahuti diguna pakai.

Syarat *al-hurriyyah* pula tidak perlu dibincangkan lagi memandangkan amalan perhambaan sudah tidak wujud lagi pada hari ini.

## ii. *Al-sighah*

Fuqaha' secara ijma' menyatakan bahawa *al-sighah* ialah rukun utama dalam *al-shirkah*.<sup>98</sup> Ia bermaksud beberapa lafaz dan perkataan yang lahir daripada setiap pihak yang berkontrak bagi menggambarkan kehendak, tujuan dan keredaan setiap pihak yang terlibat dalam kontrak yang dilaksanakan.<sup>99</sup> Ia juga berfungsi sebagai suatu medium yang jelas dan nyata bagi menggambarkan keredaan setiap pihak yang berkontrak terutamanya apabila keredaan adalah sesuatu yang tersembunyi dan sukar untuk diketahui melainkan melalui perantaraan *al-sighah*.<sup>100</sup> Dalam *al-shirkah*, *al-sighah* bermaksud beberapa lafaz dan perkataan yang jelas yang lahir daripada setiap pihak yang bersekutu bagi menggambarkan keizinan untuk menggunakan harta tertentu bagi tujuan perniagaan, jual beli dan pelbagai lagi.<sup>101</sup>

*Al-sighah* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *al-ijab* (penawaran) dan *al-qabul* (penerimaan). Fuqaha' berselisih pendapat dalam pembahagian *al-ijab* dan *al-qabul* di mana madhhab Hanafi berpandangan beberapa perbuatan tertentu yang berlaku terlebih dahulu yang menggambarkan keredaan daripada salah seorang *al-'aqidan* ialah *al-ijab*,

---

<sup>98</sup> Al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:4; Ibn 'Abidin, *Radd al-Muhtar*, 6:474; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 8:20-21; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:153; al-Ghazali, *al-Wajiz*, 1:357-358; al-Rafi'i, *al-'Aziz*, 5:185-187; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:5; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:447.

<sup>99</sup> Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:9.

<sup>100</sup> *Ibid.*

<sup>101</sup> *Ibid.*, 3:223.

manakala beberapa perbuatan tertentu yang berlaku selepasnya ialah *al-qabul*.<sup>102</sup> Majoriti fuqaha' pula berpandangan *al-ijab* ialah beberapa lafaz dan perkataan yang lahir daripada pihak yang memiliki sesuatu walaupun ia didatangkan kemudian dan *al-qabul* ialah beberapa lafaz dan perkataan yang lahir daripada pihak yang ingin memiliki sesuatu walaupun ia didatangkan terlebih dahulu.<sup>103</sup> Dalam *al-shirkah*, permasalahan ini tidak timbul memandangkan lafaz *al-ijab* dan *al-qabul* boleh dikemukakan oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam kontrak tersebut.

*Al-sighah* boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu *sarih* (jelas) dan *kinayah* (sindiran). *Sarih* adalah setiap lafaz yang petandanya adalah jelas dan nyata, manakala *kinayah* adalah setiap lafaz yang mempunyai beberapa kemungkinan makna dan maksud.<sup>104</sup> Dalam *al-shirkah*, lafaz *al-ijab* secara *sarih* ialah: شَارِكُنْكَ فِي كَذَا yang bermaksud: “aku bersekutu denganmu dalam perkara tersebut” atau “aku berkongsi denganmu dalam perkara tersebut” dan lafaz *al-qabul* memadai dengan berkata: “aku terima” atau “kita telah bersekutu” atau “kita telah berkongsi”, manakala lafaz *al-ijab* secara *kinayah* ialah: “aku serahkan kepada kamu sama sepertimana yang telah kamu serahkan iaitu RM100,000 untuk tujuan perniagaan secara bersama”.<sup>105</sup>

Fuqaha' juga telah menggariskan beberapa syarat yang perlu dipenuhi ketika mana *al-ijab* dan *al-qabul* berlangsung iaitu:

1. Penggunaan lafaz yang jelas dan terang

*Al-ijab* dan *al-qabul* hendaklah menggunakan lafaz yang jelas dan terang. Ia hendaklah menggambarkan keizinan untuk menggunakan sesuatu harta daripada setiap

---

<sup>102</sup> Al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 2:4; Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 4:347.

<sup>103</sup> Al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:190; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:6-7; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:286; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 6:7; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:459; Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, cet. 2 (Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, 1983), 9:11; Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 4:347.

<sup>104</sup> Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:10.

<sup>105</sup> Al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:4; Ibn 'Abidin, *Radd al-Muhtar*, 6:474; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:348; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 8:21; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:190 dan 14:13; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276; 'Abd al-'Aziz al-Khayyat, *al-Sharikat*, 13.

pihak yang berkontrak.<sup>106</sup> Dalam madhhab Shafi'i, lafaz tersebut perlu diperincikan dengan menghuraikan harta yang terlibat dan tidak memadai dengan sekadar berkata: "aku bersekutu denganmu" sahaja tanpa sebarang penjelasan terhadap harta yang berkenaan.<sup>107</sup> Setiap lafaz hendaklah disebut dengan jelas dan terang oleh setiap pihak yang berkontrak sehingga didengari, diketahui dan difahami dengan sebaik-baiknya oleh setiap pihak yang terlibat kecuali disebabkan beberapa keuzuran seperti bisu, pekak, *contracts inter absentes* (kontrak yang berlangsung tanpa melibatkan pertemuan secara fizikal seperti melalui mesin, internet, kad kredit dan lain-lain) dan yang seumpama dengannya.

## 2. *Ittihad al-majlis* (keberadaan dalam satu majlis)

*Al-ijab* dan *al-qabul* hendaklah berlangsung dalam satu majlis dan secara terus-menerus tanpa sebarang pemisah yang keterlaluan.<sup>108</sup> Keberadaan dalam satu majlis adalah mustahak agar setiap pihak yang berkontrak mendengar, mengetahui dan memahami dengan sebaik-baiknya keseluruhan lafaz yang disebutkan dalam majlis tersebut.

Dalam sebuah hadith yang telah diriwayatkan daripada Hakim b. Hizam r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

البَيِّعَانِ بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا فَإِنْ صَدَقَا وَبَيْنَا بُرُكٌ لُهُمَا فِي بَيْعِهِمَا وَإِنْ كَذَبَا وَكُنَّا  
 مُحْتَمِلِينَ بَرَكَةَ بَيْعِهِمَا

Maksudnya: "Dua pihak yang berkontrak memiliki hak khiyar selama mana mereka belum berpisah. Maka jika mereka berkata benar dan berterus-terang, nescaya kontrak yang dilaksanakan diberkati Allah

<sup>106</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:3-4; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 3:5-6; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; Abu Zakariyya Muhy al-Din b. Sharaf al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992), 3:510; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:451; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 152; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:223-224.

<sup>107</sup> Al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 14:13; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 3:510; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:451; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 152; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:223-224.

<sup>108</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sana'i'*, 5:137; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:3-4; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 3:5-6; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:199; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 3:3-4; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:10; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:287-288; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:460; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:11; al-Kibbi, *al-Mu'amalat*, 52-56.

s.w.t.. *Tetapi jika mereka berbohong dan menyembunyikan sesuatu, nescaya terhapuslah keberkatan kontrak tersebut.*”<sup>109</sup>

Berdasarkan hadith di atas, syarat ini bukan sekadar mempunyai kaitan dengan hukum *khiyar al-majlis* semata-mata, bahkan ia juga mempunyai kaitan dengan keberkatan sesuatu kontrak yang dilaksanakan. Jika *khiyar al-majlis* tidak mempunyai kepentingan yang tersendiri, nescaya ia tidak dinyatakan dalam hadith di atas dan beberapa hadith yang membawa pengertian yang sama serta disertakan dengan unsur keberkatan daripada Allah s.w.t.. Oleh sebab itu, syarat ini hendaklah diberikan perhatian yang sewajarnya dan tidak selayaknya dipandang enteng memandangkan ia melibatkan keberkatan sesuatu kontrak.

Ruangan *majlis al-‘aqd* seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin bukan sekadar untuk mendengar, mengetahui dan memahami dengan sebaik-baiknya keseluruhan lafaz yang disebutkan dalam majlis, bahkan untuk mengetahui, memahami, mendalami dan bersoal jawab mengenai sebarang terma dan syarat yang berkaitan dengan kontrak yang akan dimeteraikan. Dengan kewujudan sesi *majlis al-‘aqd* seumpama ini, barulah ia menjadi kontrak yang sempurna, sah bahkan mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t..

3. *Muwafaqat al-ijab wa al-qabul* (keserasian di antara *al-ijab* dan *al-qabul*).

*Al-ijab* dan *al-qabul* hendaklah serasi di antara satu sama lain. Sebagai contoh, *al-musharik* pertama berkata: “aku bersekutu denganmu dalam perkara tersebut” dan dijawab oleh *al-musharik* kedua: “aku terima” atau “kita telah bersekutu”. Jika jawapan

---

<sup>109</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Al-Bukhari, *al-Jami‘ al-Sahih*, 2:92 (Kitab al-Buyu‘, Bab al-Bayyi‘an bi al-Khiyar, no. hadith 2110). Selain itu, terdapat beberapa lagi hadith yang membawa pengertian yang hampir serupa dengan hadith di atas seperti hadith 2107-2114; Abu al-Husayn Muslim b. al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim* (Kaherah: Dar al-Hadith, 1991), 3:21-22 (Kitab al-Buyu‘, Bab Thubut Khiyar al-Majlis li al-Mutabayi‘ain, no. hadith 43-46).

yang diberikan bertentangan dengan lafaz pertama seperti: “aku beli harta tersebut” atau “aku sewa harta tersebut”, maka kontrak tersebut adalah tidak sah.<sup>110</sup>

### **Kontrak Secara *al-Kitabah* dan *al-Mu‘atah***

Fuqaha’ juga turut membincangkan permasalahan keharusan kontrak secara *al-kitabah* (tulisan) dan *al-mu‘atah* (perbuatan saling menghulurkan). *Al-kitabah* bermaksud suatu kontrak yang melibatkan perbuatan menulis di atas kertas atau yang seumpama dengannya, manakala *al-mu‘atah* bermaksud suatu kontrak yang melibatkan perbuatan menerima atau mengambil sesuatu selepas mengetahui harganya.

Majoriti fuqaha’ mengharuskan kedua-dua kontrak di atas terutamanya *bay‘ al-mu‘atah*. Perbuatan penjual menghulurkan barang jualan, pembeli menghulurkan wang dan kedua-duanya saling bertukaran di antara satu sama lain sudah dianggap sebagai suatu medium yang jelas dan nyata bagi menggambarkan keredaan setiap pihak bahkan ia merupakan suatu ‘uruf yang telah diterima secara meluas oleh masyarakat umum.<sup>111</sup> Atas dasar ini jugalah, Ibn Qudamah menyatakan bahawa keharusan *bay‘ al-mu‘atah* sudah mencapai tahap *ijma‘* kerana ia telah diamalkan secara berleluasa di pasar-pasar di zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r. ‘anhum tanpa wujud sebarang bentuk penafian terhadap keharusannya.<sup>112</sup> Namun demikian, terdapat juga beberapa pandangan dalam madhhab Hanafi seperti al-Karakhi yang membezakan di antara kontrak yang melibatkan sesuatu yang bernilai dan berharga dan sesuatu yang kurang bernilai dan kurang berharga. Pandangan ini juga turut meletakkan ‘uruf sebagai penentu kepada keharusan kontrak tersebut.<sup>113</sup>

---

<sup>110</sup> Al-Kasani, *Badai‘ al-Sanai‘*, 5:136; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:3-4; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 3:5-6; al-Nawawi et al., *al-Majmu‘*, 9:200; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 3:3-4; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:11; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:288; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina‘*, 2:459; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:11; al-Kibbi, *al-Mu‘amalāt*, 52-56.

<sup>111</sup> Al-Kasani, *Badai‘ al-Sanai‘*, 5:138; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 2:4; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 2:170; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:3-4; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 3:5-6; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 6:7-9; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina‘*, 2:461; Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 4:350.

<sup>112</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 6:7-9.

<sup>113</sup> Al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 2:4.

Dalam madhhab Shafi'i pula (pandangan yang masyhur), kedua-dua kontrak di atas adalah tidak sah memandangkan ia tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan terutamanya syarat penggunaan lafaz yang jelas dan terang. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa pandangan seperti al-Nawawi, al-Baghawi dan al-Mutawalli yang mengharuskan *bay' al-mu'atah* dengan syarat ia diterima oleh 'uruf setempat.<sup>114</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, penulis berpandangan kontrak *al-shirkah* hendaklah memenuhi keseluruhan syarat di atas iaitu penggunaan lafaz yang jelas dan terang, keberadaan dalam satu majlis dan keserasian di antara *al-ijab* dan *al-qabul*. Kontrak secara *al-kitabah* dan *al-mu'atah* pula adalah diharuskan dalam beberapa keadaan tertentu sahaja seperti lafaz *al-ijab* dan *al-qabul* sukar untuk dizahirkan secara lisan disebabkan keuzuran seperti bisu, pekak, *contracts inter absentes* dan yang seumpama dengannya atau ia melibatkan sesuatu yang kurang bernilai dan kurang berharga serta merupakan suatu 'uruf yang diterima secara meluas oleh masyarakat umum. Ibn Qudamah secara tidak langsung sebenarnya telah menghuraikan permasalahan ini dengan menyebut keharusan *bay' al-mu'atah* kepada jual beli yang berlaku secara berleluasa di "pasar-pasar" sahaja yang bermaksud jual beli yang berlaku secara rutin. Wahbah al-Zuhayli pula mengemukakan satu analogi yang cukup jelas di mana fuqaha' secara ijma' telah bersetuju bahawa kontrak *al-nikah* hendaklah berlaku secara lisan dan tidak memadai dengan sekadar beberapa perbuatan tertentu sahaja. Pendirian tegas seumpama ini diambil memandangkan ia adalah suatu kontrak yang bernilai, berharga dan berisiko tinggi.<sup>115</sup>

Maka oleh sebab itulah, selayaknya juga kontrak-kontrak yang bernilai dan berharga pada hari ini hendaklah berlaku secara lisan dan tidak memadai dengan sekadar menandatangani beberapa dokumen tertentu sahaja.

---

<sup>114</sup> Al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 3:3-4; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:7-11; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:288; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:10.

<sup>115</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 4:350.



### iii. *Al-ma'qud 'alayh*

Fuqaha' berselisih pendapat dalam menentukan syarat-syarat *al-ma'qud 'alayh*. Sebahagiannya mengambil pendekatan menghuraikan syarat-syarat tersebut mengikut pembahagian kategori *al-shirkah* sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bahagian terdahulu.<sup>116</sup> Ini bermakna setiap kategori *al-shirkah* memiliki syarat-syarat *al-ma'qud 'alayh* yang berbeza. Walau bagaimanapun, secara umumnya, fuqaha' telah menggariskan beberapa syarat berikut iaitu:

#### 1. Modal hendaklah daripada jenis yang sama.

Modal yang dimaksudkan ialah mata wang seperti dinar dan dirham. Ia hendaklah daripada jenis yang sama supaya tidak wujud keistimewaan dan perbezaan dalam kontrak tersebut.<sup>117</sup> Walau bagaimanapun, madhhab Hanafi dan Hanbali mengharuskan perbezaan jenis modal seperti dinar dan dirham<sup>118</sup> atau dalam konteks hari ini Ringgit Malaysia dan Dolar Amerika Syarikat.

Selain itu, barang dagangan juga boleh dijadikan sebagai modal. Dalam madhhab Maliki, modal boleh berbeza jenis secara mutlak dan dinilai berdasarkan harganya pada hari kontrak berlangsung.<sup>119</sup> Dalam madhhab Shafi'i, ia hendaklah daripada jenis yang sama,<sup>120</sup> manakala dalam madhhab Hanafi dan Hanbali pula, barang dagangan tidak boleh dijadikan sebagai modal.<sup>121</sup>

---

<sup>116</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:152-155; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:58-65.

<sup>117</sup> Al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 8:23 dan 28; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:348-349; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:154; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 3:511; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276-277; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:448; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:224.

<sup>118</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:152; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:59; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:6; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:330-331; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:192.

<sup>119</sup> Al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 8:21; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:349; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:154.

<sup>120</sup> Al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 3:511; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:276-277; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:448; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:224.

<sup>121</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:59; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:6; al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 3:15; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:330; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:191.

2. Modal hendaklah bercampur di antara satu sama lain.

Syarat ini telah dikemukakan oleh madhhab Shafi'i sahaja,<sup>122</sup> manakala majoriti fuqaha' yang lain tidak bersetuju dengan syarat ini.<sup>123</sup> Berdasarkan syarat ini, modal hendaklah bercampur di antara satu sama lain sehingga tidak wujud sebarang perbezaan pada modal tersebut. Walau bagaimanapun, majoriti fuqaha' berpandangan memadailah dengan setiap pihak mengetahui nilai keseluruhan modal kontrak tersebut.

3. Kadar keuntungan dan kerugian hendaklah berpandukan kepada modal yang disumbangkan.

Kadar keuntungan dan kerugian hendaklah berpandukan kepada modal yang disumbangkan dan tidak boleh ditetapkan sama ada dalam bentuk jumlah tertentu, kadar tertentu atau peratusan tertentu.<sup>124</sup> Walau bagaimanapun, madhhab Hanafi mengharuskan perbezaan pada kadar keuntungan tetapi tidak pada kadar kerugian. Perkara ini telah dijelaskan oleh al-Sarkhasi dengan menyatakan bahawa: "Dan tiada perselisihan bahawasanya penetapan syarat kadar kerugian berbeza dengan kadar modal adalah terbatal, manakala penetapan syarat kadar keuntungan berbeza dengan kadar modal adalah sah".<sup>125</sup>

---

<sup>122</sup> Al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 3:511; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:277; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:449; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:224.

<sup>123</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:152; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:60; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:9; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 8:26; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:349; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:154; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:331; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:192.

<sup>124</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 3:354; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:157; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 3:516-517; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:289; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:452; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:225.

<sup>125</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 11:156.

## 2.3 *Al-Ijarah* Dalam Sistem Muamalah Islam

### 2.3.1 Definisi *al-Ijarah*

#### 2.3.1.1 Dari Sudut Bahasa

*Al-ijarah* (الإِجَارَةُ) dari sudut bahasa bermaksud sewa, upah<sup>126</sup> atau gaji hari.<sup>127</sup> Ia berasal daripada kata nama *al-ajr* (الأَجْرُ) yang lahir daripada kata kerja (أَجَرَ يَأْجِرُ) atau (أَجَرَ يَأْجِرُ) yang bermaksud balasan atau ganjaran ke atas sesuatu pekerjaan.<sup>128</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, *al-ajr* dan *al-ijarah* adalah sinonim. Namun demikian, setiap satu daripadanya mempunyai konteks penggunaan yang berbeza. *Al-ajr* dikhususkan kepada ganjaran atau pahala yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada hamba-Nya, manakala *al-ijarah* dikhususkan kepada ganjaran yang diberikan oleh manusia sesama manusia.<sup>129</sup>

#### 2.3.1.2 Dari Sudut Istilah

Fuqaha' berbeza pandangan dalam memberikan definisi *al-ijarah* dari sudut istilah. Walau bagaimanapun, definisi-definisi yang dikemukakan tidak jauh berbeza dengan pengertiannya dari sudut bahasa,<sup>130</sup> bahkan kesemuanya bersatu pada makna yang dikehendaki.<sup>131</sup>

---

<sup>126</sup> Al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi*, 1:10.

<sup>127</sup> Noresah et al., *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 561, entri "ijarah".

<sup>128</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 1:31; Majd al-Din Muhammad b. Ya'qub al-Fayruz Abadi, *al-Qamus al-Muhit* (Mesir: Matba'ah Dar al-Ma'mun, 1938), 1:362; Ibn Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, 1:62-63; Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasit*, 1:6-7.

<sup>129</sup> *Ibid.*

<sup>130</sup> Wizarah al-Awqaf, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, 1:252; Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 4:731.

<sup>131</sup> 'Abd al-Wahhab Ibrahim, *'Aqd al-Ijarah Masdar min Masadir al-Tamwil al-Islamiyyah*, cet. 2 (Jeddah: al-Bank al-Islami li al-Tanmiyyah, 2000), 21.

Madhhab Hanafi mendefinisikan *al-ijarah* sebagai suatu kontrak ke atas suatu manfaat dengan suatu pertukaran.<sup>132</sup> Al-Zayla'i memperkemas definisi tersebut dengan menyatakan bahawa ia adalah suatu kontrak ke atas suatu manfaat yang diketahui dengan suatu pertukaran yang diketahui sehingga ke suatu masa yang diketahui.<sup>133</sup> Ibn 'Abidin dan al-Musili pula menzahirkan sedikit perbezaan di mana Ibn 'Abidin mendefinisikannya sebagai pemilikan suatu manfaat dengan suatu pertukaran,<sup>134</sup> manakala al-Musili mendefinisikannya sebagai jual beli manfaat.<sup>135</sup>

Madhhab Maliki mendefinisikan *al-ijarah* sebagai pemilikan manfaat sesuatu yang diharuskan dalam tempoh masa tertentu dengan suatu pertukaran.<sup>136</sup>

Dalam madhhab Shafi'i, *al-ijarah* adalah suatu kontrak ke atas suatu manfaat yang diketahui, yang ditentukan tujuannya, sedia digunakan serta diharuskan dengan suatu pertukaran yang diketahui.<sup>137</sup> Terdapat juga beberapa pandangan lain yang mendefinisikannya sebagai pemilikan manfaat dengan suatu pertukaran mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.<sup>138</sup>

Dalam madhhab Hanbali pula, *al-ijarah* adalah suatu kontrak ke atas manfaat yang diharuskan, diketahui subjek dan tempoh masanya, sama ada dalam bentuk barangan yang ditetapkan atau *mawsuf fi al-dhimmah* (dibebankan ke atas seseorang untuk memperolehinya atau mengadakannya) atau pekerjaan yang ditetapkan dengan pertukaran yang ditetapkan.<sup>139</sup>

Berdasarkan pemerhatian penulis, definisi yang telah dikemukakan oleh madhhab Hanbali sudah boleh diterima sebagai definisi *al-ijarah* dari sudut istilah yang

---

<sup>132</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 15:74; al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:260; Nizam al-Din et al., *al-Fatawa al-Hindiyyah fi Madhhab al-Imam al-A'zam Abi Hanifah al-Nu'man* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2002) 4:409.

<sup>133</sup> Al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqaiq*, 5:105.

<sup>134</sup> Ibn 'Abidin, *Radd al-Muhtar*, 9:4-5.

<sup>135</sup> Al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 2:50.

<sup>136</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:2.

<sup>137</sup> Al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:427; al-Qalyubi dan 'Umayrah, *Hashiyatan al-Qalyubi wa 'Umayrah*, 3:67. Pandangan di atas ialah pandangan al-Qalyubi sahaja.

<sup>138</sup> Al-Ruyani, *Bahr al-Madhhab* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2002), 9:265; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:261; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:560; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 235.

<sup>139</sup> Al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:229; Muhammad Zaki 'Abd al-Bar, *Ahkam al-Mu'amalat al-Maliyyah fi al-Madhhab al-Hanbali* ('Ard Manhaji), cet. 2 (Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, 1998), 320.

sempurna. Ia telah merangkumi keseluruhan definisi yang terdahulu, bahkan diperkemaskan dengan beberapa syarat yang perlu dipenuhi dalam *al-ijarah*. Di samping itu, ia juga telah menjelaskan setiap bentuk kontrak sama ada manfaat dalam bentuk barangan, *mawsuf fi al-dhimmah* atau pekerjaan. Permasalahan ini turut dianalisis oleh ‘Abd al-Wahhab Ibrahim dan Hamid Hasan Mirah dan mereka juga telah mentarjihkan pandangan yang sama.<sup>140</sup>

Walau bagaimanapun, penulis berbeza pandangan berhubung dengan unsur tempoh masa yang dinyatakan dalam definisi tersebut. Ini kerana penentuan tempoh masa hanya diperlukan bagi *al-ijarah* yang melibatkan manfaat dalam bentuk barangan sahaja, manakala bagi kontrak yang melibatkan pekerjaan, ia bukanlah merupakan suatu syarat yang perlu dipenuhi. Menurut Hamid Hasan Mirah, unsur tersebut adalah penting untuk membezakan di antara kontrak *al-ijarah* dan *al-nikah* (pernikahan).<sup>141</sup> Walau bagaimanapun, kesamaran ini sebenarnya telah dijelaskan terlebih dahulu oleh al-Zayla‘i dengan menyatakan bahawa *al-ijarah* adalah berhubung dengan pemilikan sesuatu manfaat, sedangkan *al-nikah* adalah berkaitan dengan keharusan menikmati sesuatu manfaat.<sup>142</sup> Pada kebiasaannya, manfaat tersebut sudah jelas dan nyata di kalangan fuqaha’ iaitu manfaat persetubuhan dan yang berhubungkait dengannya. Namun demikian, huraian tentang bentuk-bentuk manfaat sudah mencukupi untuk membezakan kedua-dua kontrak di atas.

Kesimpulannya, penulis berpandangan definisi yang lebih tepat bagi *al-ijarah* adalah suatu kontrak ke atas manfaat yang diharuskan, diketahui subjeknya sama ada dalam bentuk barang yang ditetapkan atau *mawsuf fi al-dhimmah* atau pekerjaan yang ditetapkan dengan pertukaran yang ditetapkan.

---

<sup>140</sup> ‘Abd al-Wahhab Ibrahim, ‘*Aqd al-Ijarah*, 22; Hamid Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah*, 55.

<sup>141</sup> Hamid Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah*, 55.

<sup>142</sup> Al-Zayla‘i, *Tabyin al-Haqaiq*, 5:105.

### 2.3.2 Asas-asas Perundangan *al-Ijarah*

*Al-ijarah* adalah suatu kontrak yang diharuskan dalam sistem muamalah Islam. Keharusan ini berpandukan kepada dalil-dalil yang diperolehi daripada al-Qur'an, al-sunnah, al-ijma' dan juga logik.

#### 2.3.2.1 Daripada al-Qur'an

Firman Allah s.w.t.:

فَانْطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا أَتَيَا أَهْلَ قَرْيَةٍ اسْتَطَعَمَا أَهْلَهَا فَأَبَوْا أَنْ يُضَيِّفُوهُمَا فَوَجَدَا فِيهَا جِدَارًا يُرِيدُ أَنْ يَنْقَضَ فَأَقَامَهُ قَالَ لَوْ شِئْتَ لَاتَّخَذْتَ عَلَيْهِ أَجْرًا

Surah al-Kahf 18: 77

Maksudnya: “Kemudian keduanya berjalan lagi, sehingga apabila mereka sampai kepada penduduk sebuah bandar, mereka meminta makan kepada orang-orang di situ, lalu orang-orang itu enggan menjamu mereka. Kemudian mereka dapati di situ sebuah tembok yang hendak runtuh, lalu ia membinanya. Nabi Musa berkata: “Jika engkau mahu, tentulah engkau berhak mengambil upah mengenainya!”<sup>143</sup>

Firman Allah s.w.t.:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ { } قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَنْكَحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ هَاتَيْنِ عَلَىٰ أَنْ تَأْجُرَنِي ثَمَانِيَةَ حَجَجٍ فَإِنْ أَتَمَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ وَمَا أُرِيدُ أَنْ أَشُقَّ عَلَيْكَ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ { }

Surah al-Qasas 28: 26-27

Maksudnya: “Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah”. Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa): “Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang daripada dua anak perempuanku ini dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama delapan tahun. Dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah daripada kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak

<sup>143</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 736-737.

*menyusahkanmu. Engkau akan dapati aku insya Allah daripada orang-orang yang baik layanannya.”*<sup>144</sup>

Dalam ayat-ayat di atas, Allah s.w.t. telah menggunakan beberapa perkataan yang dibina daripada kata nama *al-ajr* seperti (أَجْرًا) dan (استأجره). Ia secara jelas menggambarkan bahawa *al-ijarah* telah diamalkan sejak zaman para nabi dan rasul terdahulu lagi di mana syariat-syariat terdahulu<sup>145</sup> dan seluruh agama yang lain turut mengharuskannya. Ia merupakan suatu keperluan yang mustahak dalam kehidupan manusia yang saling memerlukan di antara satu sama lain.<sup>146</sup> Selain itu, ia juga merupakan sunnah para nabi dan wali,<sup>147</sup> bahkan merupakan amalan yang tidak asing lagi dalam kehidupan masyarakat terdahulu.<sup>148</sup>

Firman Allah s.w.t.:

قَالُوا يَا ذَا الْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَى  
أَنْ نَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًا

Surah al-Kahf 18: 94

Maksudnya: “Mereka berkata: “Wahai Dhu al-Qarnain, sesungguhnya kaum Ya’juj dan Ma’juj sentiasa melakukan kerosakan di bumi. Oleh itu, setujukah kamu kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (daripada hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?”<sup>149</sup>

<sup>144</sup> *Ibid.*, 1008-1009.

<sup>145</sup> *Shar’ man qablana* (syariat terdahulu) bukanlah asas perundangan yang disepakati di kalangan usuliyin dan fuqaha’. Majoriti fuqaha’ Hanafi dan Maliki, sebahagian fuqaha’ Shafi’i dan riwayat yang muktabar dalam madhhab Hanbali berpandangan jika ia diiktiraf oleh asas-asas perundangan yang disepakati serta tidak dinasakahkan hukumnya, maka ia merupakan suatu syariat terhadap umat Nabi Muhammad s.a.w., manakala pandangan kedua yang terdiri daripada pandangan yang *rajih* dalam madhhab Shafi’i dan satu riwayat dalam madhhab Hanbali menyatakan sebaliknya.

Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 15:74; al-Kasani, *Badai’ al-Sanai’*, 4:173; al-Zayla’i, *Tabyin al-Haqaiq*, 5:105; Ibn ‘Abidin, *Radd al-Muhtar*, 9:4; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 5:371; Abu Hamid Muhammad b. Muhammad b. Muhammad b. al-Ghazali, *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul* (Madinah: al-Jami’ah al-Islamiyyah, 1413H), 2:435-449; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:122; Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Damsyik: Dar al-Fikr, 1986), 2:842-849; ‘Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2000), 263-266; ‘Abd Allah Yusuf al-Juday’, *Taysir ‘Ilm Usul al-Fiqh* (Beirut: Muassasah al-Rayyan, 1997), 167-171.

<sup>146</sup> Al-Qurtubi, *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, 13:179.

<sup>147</sup> *Ibid.*, 11:23.

<sup>148</sup> Hamid Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah*, 32.

<sup>149</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 741.

Firman Allah s.w.t.:

أَمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَةَ رَبِّكَ لَحْنٌ قَسَمْنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ  
فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سَخِرِيًّا وَرَحْمَةَ رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Surah al-Zukhruf 43: 32

Maksudnya: “(Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara keruhanian dan keugamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? Mereka tidak ingkarkan). Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderit) dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi daripada darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian daripada mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya daripada (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik daripada kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan.”<sup>150</sup>

Dalam ayat-ayat di atas pula, tiada sebarang perkataan yang merujuk secara langsung kepada *al-ijarah*. Walau bagaimanapun, menurut Ibn ‘Abbas r. ‘anhuma, perkataan (خَرَجًا) yang disebut dalam Surah al-Kahf bermaksud ganjaran yang lumayan iaitu mereka ingin mengumpulkan harta benda mereka untuk diserahkan kepada Dhu al-Qarnain sebagai balasan jika beliau dapat mendirikan tembok-tembok pemisah di antara mereka dan Ya’juj dan Ma’juj.<sup>151</sup> Al-Sarkhasi pula menjelaskan bahawa ayat (لِيَتَّخِذَ

بَعْضُهُمْ بَعْضًا سَخِرِيًّا) menggambarkan keharusan *al-ijarah* di mana ia bermaksud

kemudahan yang diperolehi daripada upah sesuatu pekerjaan.<sup>152</sup>

<sup>150</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 1306-1307.

<sup>151</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, 9:191-192.

<sup>152</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 15:74.



Firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْرِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Surah al-Baqarah 2: 233

Maksudnya: “Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusui kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu patut beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.”<sup>153</sup>

Firman Allah s.w.t.:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ  
أُولَاتٍ حَمْلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ  
وَاتَمَرُوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاَسَرْتُمْ فِى تَرْعِيهِمْ لَكُمْ فَاسْرِعُوا لَهُ لِأَنَّكَ أَنْتَ  
أَعْلَمُ بِالْإِنْفَاقِ

Surah al-Talaq 65: 6

Maksudnya: “Tempatkanlah (isteri-isteri yang menjalani ‘iddahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya, dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (daripada kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.”<sup>154</sup>

Kedua-dua ayat di atas pula secara jelas menggambarkan bahawa pemberian upah terhadap penyusuan bayi adalah sesuatu yang diharuskan.<sup>155</sup> Ia telah diamalkan secara berleluasa sejak sebelum kedatangan Islam lagi dan contoh yang paling jelas dalam permasalahan ini ialah Halimah binti Abu Dhu’ayb daripada Bani Sa’ad b. Bakr,

<sup>153</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 91.

<sup>154</sup> *Ibid.*, 1526-1527.

<sup>155</sup> Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, 5:71-76; al-Qurtubi, *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, 4:123-125 dan 21:55-57; Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’an Al-‘Azim*, 2:377.

ibu susuan Rasulullah s.a.w..<sup>156</sup> Menurut al-Shafi'i, ayat-ayat di atas merupakan petunjuk yang cukup jelas terhadap pengharusan upah ke atas penyusuan bayi dan sebarang permasalahan yang seumpama dengannya.<sup>157</sup>

Secara umumnya, keseluruhan ayat di atas memberikan gambaran bahawa *al-ijarah* adalah suatu bentuk muamalah yang diharuskan dalam Islam. Ia telah digambarkan secara *isharat al-nas* kecuali dalam ayat 6, Surah al-Talaq. Dalam ayat tersebut, ia merupakan *'ibarat al-nas* di mana pengertiannya dapat difahami berdasarkan bentuk ayat dan ia merupakan maksud yang dikehendaki daripada konteks nas tersebut.<sup>158</sup>

### 2.3.2.2 Daripada al-Sunnah

Dalam sebuah hadith qudsi yang telah diriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Allah s.w.t. berfirman:

ثَلَاثَةٌ أَنَا خَصْمُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: رَجُلٌ أَعْطَى بِي ثُمَّ غَدَرَ وَرَجُلٌ بَاعَ حُرًّا فَأَكَلَ ثَمَنَهُ  
وَرَجُلٌ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَاسْتَوَى مِنْهُ وَلَمْ يُؤَقِّهِ أَجْرَهُ

Maksudnya: “Tiga golongan manusia yang menjadi musuh-Ku di Hari Kiamat: lelaki yang bersumpah dengan-Ku tentang sesuatu, kemudian melanggar sumpah tersebut, lelaki yang menjual orang yang merdeka, kemudian makan daripada keuntungan jualan tersebut dan lelaki yang mengupah pekerja dan pekerja tersebut melaksanakan tugasnya sedang dia tidak membayar upahnya.”<sup>159</sup>

<sup>156</sup> Ibn Hisham, *al-Sirah al-Nabawiyah* (Syria: Maktabah al-Turath al-Islami, 1978), 1:167-174.

<sup>157</sup> Al-Shafi'i, *al-'Umm*, 5:43-44.

<sup>158</sup> Khallaf, *Ilm Usul al-Fiqh*, 143-153.

<sup>159</sup> Riwayat al-Bukhari, Ibn Majah dan Al-Bayhaqi.

Ibn Majah dan al-Bayhaqi meriwayatkan hadith tersebut tanpa menyatakan keistimewaannya sebagai hadith qudsi serta menggunakan lafaz yang sedikit berbeza. Al-Albani mengklasifikasikan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah sebagai da'if disebabkan salah seorang perawinya ialah Yahya b. Sulaim. Al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih*, 2:120-121 (Kitab al-Buyu', Bab Ithm man Ba'a Hurran, no. hadith 2227), 2:133 (Kitab al-Ijarah, Bab Ithm man Mana'a Ajr al-Ajir, no. hadith 2270); Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 417 (Kitab al-Ruhun, Bab Ajr al-Ajra', no. hadith 2442); al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 6:200 (Kitab al-Ijarah, Bab Ithm man Mana'a al-Ajir Ajarah, no. hadith 11657-11658).

Dalam sebuah hadith, ‘Aisyah r. ‘anha telah meriwayatkan perihal hijrah

Rasulullah s.a.w.. Antaranya beliau berkata:

اسْتَأْجَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ رَجُلًا مِنْ بَنِي الدَّيْلِ وَهُوَ مِنْ بَنِي  
عَبْدِ بْنِ عَدِي هَادِيًا خَرِيَّتًا - وَالْخَرِيْتُ الْمَاهِرُ بِالْهُدَايَةِ - وَهُوَ عَلَى دِينِ كُفَّارِ قُرَيْشٍ  
فَدَفَعَا إِلَيْهِ رَاِحِلَتَيْهِمَا وَوَاعَدَاهُ غَارَ ثُورٍ بَعْدَ ثَلَاثِ لَيَالٍ فَأَتَاهُمَا بِرَاِحِلَتَيْهِمَا صَبْحَ ثَلَاثِ

Maksudnya: “*Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakr r.a. telah mengupah seorang lelaki daripada Bani al-Dil. Dia berasal daripada Bani ‘Abd b. ‘Adi, merupakan seorang penunjuk jalan yang mahir tetapi masih belum memeluk Islam (kekal dengan agama kafir Quraish). Mereka berdua kemudiannya menyerahkan tunggangan mereka kepadanya dan berjanji untuk bertemu di Gua Thur selepas tiga malam. Maka dia pun datang kembali bertemu dengan Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakr r.a. pada subuh hari ketiga bersama dengan dua tunggangan mereka.*”<sup>160</sup>

Dalam sebuah hadith, Ibn ‘Abbas r. ‘anhuma telah berkata:

اِحْتَجَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَعْطَى الْحَجَّامَ أَجْرَهُ

Maksudnya: “*Rasulullah s.a.w. telah berbekam dan baginda s.a.w. memberikan kepada pembekam tersebut upahnya.*”<sup>161</sup>

Menurut al-Nawawi, hadith di atas menggambarkan bahawa hukum upah atau sebarang bentuk bayaran yang diterima daripada pekerjaan *al-mu‘alajah* (berubat) adalah harus. Jika ia tidak diharuskan, nescaya Rasulullah s.a.w. tidak membayar upah kepada pembekam tersebut.<sup>162</sup>

Dalam sebuah hadith yang lain, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجِفَّ عَرَقُهُ

<sup>160</sup> Al-Bukhari, *al-Jami‘ al-Sahih*, 2:130-131 (Kitab al-Ijarah, Bab Isti’jar al-Musyrikin ‘ind al-Darurah ..., no. hadith 2263), 2:131 (Kitab al-Ijarah, Bab idha Ista’jara Ajiran Liya‘mal lahu ..., no. hadith 2264), 3:69 (Kitab Manaqib al-Ansar, Bab Hijrah al-Nabi wa Ashabih ila al-Madinah, no. hadith 3905).

<sup>161</sup> Riwayat al-Bukhari, Muslim dan Ibn Majah.

Al-Bukhari, *al-Jami‘ al-Sahih*, 2:137 (Kitab al-Ijarah, Bab Kharaj al-Hajjam, no. hadith 2278-2279); Muslim, *Sahih Muslim*, 3:1205 (Kitab al-Musaqah, Bab Hill Ujrat al-Hijamah, no. hadith 65); Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 372-373 (Kitab al-Tijarat, Bab Kasb al-Hajjam, no. hadith 2162-2164). Al-Albani mengklasifikasikan kesemua hadith dalam bab tersebut sebagai sahih.

<sup>162</sup> Abu Zakariyya Muhy al-Din b. Sharaf al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi* (Mesir: al-Matba‘ah al-Misriyyah, 1929), 10:233 dan 242.

Maksudnya: “Berikanlah kepada orang yang bekerja itu upahnya sebelum peluhnya mengering.”<sup>163</sup>

Berdasarkan hadith-hadith di atas, Allah s.w.t. bukan sahaja mengharuskan *al-ijarah*, bahkan Dia menzahirkan kemurkaan-Nya terhadap golongan yang melakukan pengkhianatan dalam kontrak tersebut. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah melibatkan diri dalam *al-ijarah* serta memberikan peringatan kepada majikan agar menyegerakan pembayaran upah sebaik sahaja sesuatu pekerjaan itu sempurna dilaksanakan.

Secara umumnya, keseluruhan hadith di atas memberikan gambaran bahawa *al-ijarah* adalah suatu bentuk muamalah yang diharuskan dalam Islam. Ia telah digambarkan dalam pelbagai bentuk hadith sama ada yang bersifat *qawli*, *fi’li* dan juga *taqriri*.

Selain itu, terdapat banyak lagi hadith yang boleh dijadikan asas perundangan kepada *al-ijarah* seperti dalam “*Kitab Al-Ijarah*”, satu bab khusus yang menghimpunkan pelbagai hadith yang berkaitan dengan *al-ijarah* oleh al-Bukhari dan al-Bayhaqi.<sup>164</sup>

### 2.3.2.3 Daripada al-Ijma’

Keharusan *al-ijarah* telah diterima oleh keseluruhan umat Islam secara *ijma’*. Ia telah diamalkan sejak zaman *jahiliyyah*, merentasi ‘*ahd al-tashri’* dan seterusnya diiktiraf oleh Rasulullah s.a.w., para sahabat r. ‘*anhum* dan fuqaha’ di sepanjang masa dan di seluruh pelusuk dunia termasuklah al-Kasani, Ibn Rushd, al-Shafi’i, al-Mundhir, Ibn Qudamah dan ramai lagi.<sup>165</sup>

Namun demikian, terdapat juga beberapa pandangan yang menyatakan sebaliknya seperti Abu Bakr al-Asam, Isma’il b. ‘Ulayyah, al-Hasan al-Basri, al-

<sup>163</sup> Riwayat Ibn Majah. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 417 (Kitab al-Ruhun, Bab Ajr al-Ajra’, no. hadith 2443). Al-Albani mengklasifikasikan hadith tersebut sebagai sahih; al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 6:200 (Kitab al-Ijarah, Bab Ithm man Mana’a al-Ajir Ajrahu, no. hadith 11659).

<sup>164</sup> Al-Bukhari, *al-Jami’ al-Sahih*, 2:130-138; al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 6:193-211.

<sup>165</sup> Al-Kasani, *Badai’ al-Sanai’*, 4:174; Ibn ‘Abidin, *Radd al-Muhtar*, 9:4; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 2:220; al-Shafi’i, *al-Umm*, 5:44; al-Mundhir, *al-Ijma’*, 144; al-Nawawi et al., *al-Majmu’*, 15:253; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:427; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 8:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina’*, 3:229.

Qashani, al-Nahrawani dan Ibn Kisan.<sup>166</sup> Pandangan-pandangan ini kemudiannya telah disanggah oleh fuqaha' dengan mengemukakan beberapa dalil dan huraian yang lebih mendalam. Menurut Ibn Rushd, walaupun manfaat tidak dapat diserahkan pada waktu kontrak dilaksanakan, kebiasaannya, ia akan disempurnakan selepas waktu itu. Menurut hukum syara', manfaat dinilai berdasarkan sama ada ia dapat disempurnakan secara kebiasaannya atau kadar penyempurnaannya adalah sama di antara dapat disempurnakan atau sebaliknya.<sup>167</sup> Ibn Qudamah pula menyatakan bahawa ia merupakan kesilapan dan kesalahan yang tidak menjejaskan ijma' yang telah sekian lama diputuskan oleh fuqaha' terdahulu.<sup>168</sup>

#### 2.3.2.4 Dalil Akal (Logik)

*Al-ijarah* adalah suatu kontrak yang memberikan kemudahan dan kesenangan dalam kehidupan manusia. Kemampuan manusia untuk memenuhi setiap keperluan dalam kehidupan mereka adalah begitu terbatas. Setiap individu memerlukan di antara satu sama lain agar kehidupan dapat berjalan dengan sempurna.<sup>169</sup>

Seseorang yang memiliki harta kekayaan yang melimpah ruah sekalipun, tidak mungkin memiliki semua barangan yang ingin dimilikinya. Apatah lagi jika dia seorang yang miskin dan tidak berharta. Dia bukan sahaja tidak dapat memiliki barangan tersebut, bahkan jauh sekali memperolehi manfaat daripada sesuatu yang bukan miliknya, sedangkan keperluan kepada kedua-duanya adalah begitu penting dalam kehidupan manusia.

Seorang majikan pula memerlukan pekerja yang mahir dan berpengalaman. Dia memiliki harta kekayaan, namun tidak memiliki sebarang kemahiran atau pengalaman dalam bidang yang ingin diceburinya. Begitulah juga sebaliknya, seorang pekerja mahir

---

<sup>166</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:174; Ibn 'Abidin, *Radd al-Muhtar*, 9:4-5; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 8:6; Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 4:730; Hamid Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah*, 35.

<sup>167</sup> Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, 2:220.

<sup>168</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 8:6.

<sup>169</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, 33.

dan berpengalaman memerlukan kepada pekerjaan kerana dia tidak memiliki harta kekayaan atau modal yang mencukupi untuk mengembangkan kemahiran dan pengalaman tersebut secara bersendirian. Namun demikian, ia bukanlah merupakan suatu kewajiban sama ada kepada majikan untuk memberikan hartanya atau pekerja untuk melaksanakan sebarang bentuk pekerjaan secara percuma tanpa mengharapkan sebarang bentuk ganjaran. Justeru itulah, Allah s.w.t. telah mengharuskan *al-ijarah*. Ia selari dengan asas pensyariatian kepada pelbagai bentuk kontrak iaitu memenuhi keperluan kehidupan manusia.<sup>170</sup> Di samping itu, *al-ijarah* juga merupakan salah satu instrumen yang diharuskan oleh Allah s.w.t. bagi manusia mencari rezeki dalam kehidupan mereka.<sup>171</sup>

### 2.3.3 Rukun dan Syarat *al-Ijarah*

#### 2.3.3.1 Rukun-rukun *al-Ijarah*

Fuqaha' berselisih pendapat dalam menentukan rukun-rukun *al-ijarah*. Majoritinya menyatakan bahawa ia terdiri daripada empat perkara iaitu:<sup>172</sup>

- i. *Al-'aqidan*
- ii. *Al-sighah*
- iii. *Al-ujrah* (sewa atau upah)
- iv. *Al-manfa'ah* (manfaat).

Madhhab Hanafi pula membataskan permasalahan tersebut kepada satu rukun sahaja iaitu *al-sighah*.<sup>173</sup> Walau bagaimanapun, perselisihan pendapat di atas hanyalah

---

<sup>170</sup> Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, 15:75; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:174; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:427.

<sup>171</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 8:6.

<sup>172</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:2; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 15:253; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 4:247-252; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:427; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:262; al-Qalyubi dan 'Umayrah, *Hashiyatan al-Qalyubi wa 'Umayrah*, 3:67; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 235; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:123; 'Abd al-Bar, *ahkam al-Mu'amalat al-Maliyyah*, 326.

<sup>173</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:174; al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqaiq*, 5:105; Nizam al-Din et al., *al-Fatawa al-Hindiyyah*, 4:409.

*khilaf lafzi* semata-mata di mana *al-ijarah* tidak mungkin berlaku jika kesemua perkara di atas tidak digabungkan secara bersama.<sup>174</sup>

### i. *Al-'aqidan*

Dalam *al-ijarah*, terdapat dua pihak yang berkontrak. Satu pihak di namakan sebagai *al-muajjir* (pemilik perkhidmatan atau manfaat) dan satu pihak lagi dinamakan sebagai *al-musta'jir* (penyewa).

Secara umumnya, syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh *al-muajjir* dan *al-musta'jir* adalah sama sepertimana syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh *al-'aqidan* dalam jual beli biasa iaitu:

#### 1. *Al-'aqil*

Dalam *al-ijarah*, pihak yang berkontrak hendaklah seorang yang berakal. Syarat ini telah diterima oleh fuqaha' secara ijma'.<sup>175</sup> Berdasarkan syarat ini, kontrak yang melibatkan orang gila dan kanak-kanak yang belum berakal adalah terbatal dan tidak mendatangkan sebarang kesan di sisi syara'.<sup>176</sup>

#### 2. *Al-baligh*

Pihak yang berkontrak hendaklah seorang yang baligh. Syarat ini telah dipersetujui oleh majoriti fuqaha' kecuali madhhab Hanafi.<sup>177</sup> Berdasarkan syarat ini, kontrak yang melibatkan kanak-kanak yang sudah berakal atau *mumayyiz* tetapi belum mencapai usia baligh adalah terbatal dan tidak sah.<sup>178</sup>

---

<sup>174</sup> Wizarah al-Awqaf, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, 1:254.

<sup>175</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:176; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:174, 181 dan 15:255; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12 dan 428; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:123; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 8:7; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463 dan 3:230; 'Abd al-Bar, *Ahkam al-Mu'amalat al-Maliyyah*, 327.

<sup>176</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:176; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:174, 181 dan 15:255; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12 dan 428; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:123; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 8:7; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463 dan 3:230; 'Abd al-Bar, *Ahkam al-Mu'amalat al-Maliyyah*, 327.

<sup>177</sup> *Ibid.*

<sup>178</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:174, 181 dan 15:255; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12 dan 428; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:123; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 8:7; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463 dan 3:230; 'Abd al-Bar, *Ahkam al-Mu'amalat al-Maliyyah*, 327.

Permasalahan ini telah dibincangkan secara mendalam dalam bahagian terdahulu dan sekali lagi penulis cenderung untuk menyatakan bahawa pandangan al-Bahuti adalah lebih tepat dan mudah untuk dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Menurut al-Bahuti, kontrak yang melibatkan kanak-kanak yang *mumayyiz* dan *al-safih* adalah sah jika ia disertakan dengan keizinan daripada wali kedua-duanya. Begitu juga jika ia melibatkan sesuatu yang kurang bernilai dan kurang berharga walaupun tanpa keizinan wali.<sup>179</sup> Ini bermakna keabsahan kontrak tersebut bukanlah secara mutlak, tetapi bergantung kepada kebenaran wali. Jika kontrak tersebut dipersetujui, maka ia adalah sah dan jika sebaliknya, maka ia adalah terbatal. Permasalahan ini juga turut dianalisis oleh Hamid Hasan Mirah dan beliau telah *mentarjihkan* pandangan yang sama.<sup>180</sup>

### 3. *Al-rushd*

Pihak yang berkontrak hendaklah seorang yang memiliki sifat *al-rushd*. Syarat ini telah dipersetujui oleh majoriti fuqaha' kecuali madhhab Hanafi dan sebahagian fuqaha' Maliki.<sup>181</sup> Berdasarkan syarat ini, kontrak yang melibatkan *al-mahjur 'alayh* seperti *al-safih* adalah terbatal dan tidak mendatangkan sebarang kesan di sisi syara'.<sup>182</sup> Madhhab Hanafi dan sebahagian fuqaha' Maliki pula berpandangan ia merupakan syarat *luzum* di mana kontrak yang dilaksanakan oleh *al-safih* tidak akan terlaksana melainkan setelah mendapat kebenaran wali.<sup>183</sup>

### 4. *Al-rida*

Pihak yang berkontrak hendaklah seorang yang melaksanakan kontrak dalam keadaan *al-rida*. Ia merupakan syarat yang telah diterima oleh fuqaha' secara *ijma'* dan

---

<sup>179</sup> Al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463.

<sup>180</sup> Hamid Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah*, 105-106.

<sup>181</sup> Al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:315-316; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 5:372-374; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:174, 181 dan 15:255; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12 dan 428; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:262; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463 dan 3:230.

<sup>182</sup> Al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 5:372-374; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:174, 181 dan 15:255; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12 dan 428; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:262; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:7; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463 dan 3:230.

<sup>183</sup> Al-Marghinani, *al-Hidayah*, 3:315-316; al-Qarrafi, *al-Dhakhirah*, 5:372-374; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244.



syarat yang perlu dipenuhi dalam semua bentuk *'uqud al-mu'awadat* (kontrak pertukaran) termasuklah *al-ijarah*. Berdasarkan syarat ini, kontrak yang melibatkan paksaan adalah terbatal dan tidak sah.<sup>184</sup>

5. *Al-walayah* (hak penguasaan ke atas harta).

Pihak yang berkontrak mestilah memiliki *al-walayah* ke atas subjek kontrak. Ia boleh berlaku dalam beberapa keadaan di mana seseorang itu memiliki sesuatu barangan dan manfaat secara keseluruhan ataupun dia diberikan keizinan untuk menguruskannya sama ada sebagai pemilik manfaat sahaja di mana dia merupakan *al-musta'jir* atau *al-musta'ir* (peminjam) atau *wakil* yang diberikan kuasa untuk menguruskan manfaat atau *al-hakim* yang mempunyai *al-walayah* ke atas manfaat dan beberapa keadaan lain yang dibenarkan oleh syara'.<sup>185</sup>

Selain syarat-syarat di atas, madhhab Shafi'i turut menambah satu lagi syarat iaitu *al-basar* (daya penglihatan).<sup>186</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, penulis berpandangan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh *al-muajjir* dan *al-musta'jir* hanya terdiri daripada tiga perkara sahaja iaitu *al-'aqil*, *al-rushd* dan *al-rida*. Hal ini demikian kerana syarat *al-baligh* dan *al-basar* adalah terlalu ketat dan sukar untuk dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Ia mendatangkan kesukaran bagi seseorang yang berakal serta memiliki kecerdikan dan kepintaran yang selayaknya tetapi belum mencapai usia baligh atau tidak mempunyai daya penglihatan. Apatah lagi, impak daripada syarat-syarat tersebut adalah amat besar di mana sebarang bentuk kontrak yang dilaksanakan oleh mereka adalah terbatal dan

---

<sup>184</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:179; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:174, 185-189 dan 15:255; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12 dan 428; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:262; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:8; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 8:7; Ibn Qudamah, *al-Kafi*, 3:6; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:463 dan 3:230; 'Abd al-Bar, *Ahkam al-Mu'amalat al-Maliyyah*, 327.

<sup>185</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:177; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:270-271; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:280; Hamid Hasan Mirah, *Sukuk al-Ijarah*, 109-110.

<sup>186</sup> Al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:174 dan 15:255; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:12 dan 428; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:9.

tidak sah. Namun demikian, syarat baligh tidak boleh diabaikan sama sekali terutamanya dalam kontrak yang melibatkan barang bernilai dan berharga.

Sehubungan dengan itu, penulis sekali lagi mencadangkan agar syarat ini hanya dikenakan dalam kontrak yang melibatkan barang bernilai dan berharga sahaja atau pandangan al-Bahuti diguna pakai.

Syarat *al-walayah* pula ialah syarat yang hanya perlu dipenuhi oleh *al-muajjir* sahaja tanpa melibatkan *al-musta'jir*.

## ii. *Al-sighah*

Fuqaha' secara ijma' menyatakan bahawa *al-sighah* ialah rukun utama dalam *al-ijarah*.<sup>187</sup> Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu *al-ijab* dan *al-qabul*<sup>188</sup> dan boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu *sarih* dan *kinayah*.<sup>189</sup> Dalam *al-ijarah*, lafaz *al-ijab* secara *sarih* ialah: “أَجْرْتُكَ” atau “أَكْرَيْتُكَ” yang bermaksud: “aku memberi sewa kepada kamu” dan lafaz *al-qabul* memadai dengan berkata: “aku terima”, manakala lafaz *al-ijab* secara *kinayah* ialah: “tinggallah di rumahku ini selama sebulan dengan harga sekian” atau “aku serahkan manfaat rumahku ini kepada kamu dengan harga sekian”.<sup>190</sup>

<sup>187</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:174; al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqaiq*, 5:105; Ibn 'Abidin, *Radd al-Muhtar*, 9:6; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Ghazali, *al-Wajiz*, 1:405; al-Rafi'i, *al-'Aziz*, 6:79; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 15:253; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 4:247-248; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:427; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:262; al-Qalyubi dan 'Umayrah, *Hashiyatan al-Qalyubi wa 'Umayrah*, 3:67; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:561; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 235; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:123; 'Abd al-Bar, *Ahkam Al-Mu'amalat Al-Maliyyah*, 327.

<sup>188</sup> Al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 2:4; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 9:190; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:6-7; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:286; Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, 6:7; al-Bahuti, *Kashshaf Al-Qina'*, 2:459; Wizarah al-Awqaf, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, 9:11; Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 4:347.

<sup>189</sup> Al-Musili, *al-Ikhtiyar*, 2:4; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:9; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:286; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:123; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 6:7; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 2:459.

<sup>190</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 4:174; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Ghazali, *al-Wajiz*, 1:405; al-Rafi'i, *al-'Aziz*, 6:79-82; al-Nawawi et al., *al-Majmu'*, 15:255; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 4:247-248; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:428; al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, 5:262; al-Qalyubi dan 'Umayrah, *Hashiyatan al-Qalyubi wa 'Umayrah*, 3:67; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:286; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 235; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:123; 'Abd al-Bar, *Ahkam al-Mu'amalat al-Maliyyah*, 327.

Fuqaha' juga telah menggariskan beberapa syarat yang perlu dipenuhi ketika mana *al-ijab* dan *al-qabul* berlangsung iaitu:

1. Penggunaan lafaz yang jelas dan terang

*Al-ijab* dan *al-qabul* hendaklah disebut dengan jelas dan terang oleh setiap pihak yang berkontrak sehingga didengari, diketahui dan difahami dengan sebaik-baiknya oleh setiap pihak yang terlibat kecuali disebabkan beberapa keuzuran seperti bisu, pekak, *contracts inter absentes* dan yang seumpama dengannya.

2. *Ittihad al-majlis*

*Al-ijab* dan *al-qabul* hendaklah berlangsung dalam satu majlis dan secara terus-menerus tanpa sebarang pemisah yang keterlaluan. Keberadaan dalam satu majlis adalah mustahak agar setiap pihak yang berkontrak mendengar, mengetahui dan memahami dengan sebaik-baiknya keseluruhan lafaz yang disebutkan dalam majlis tersebut.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, syarat ini bukan sekadar mempunyai kaitan dengan hukum *khiyar al-majlis* semata-mata, bahkan ia juga mempunyai kaitan dengan keberkatan sesuatu kontrak yang dilaksanakan. Oleh sebab itu, syarat ini hendaklah diberikan perhatian yang sewajarnya dan tidak selayaknya dipandang enteng memandangkan ia melibatkan keberkatan sesuatu kontrak.

Ruangan *majlis al-'aqd* juga seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin bukan sekadar untuk mendengar, mengetahui dan memahami dengan sebaik-baiknya keseluruhan lafaz yang disebutkan dalam majlis, bahkan untuk mengetahui, memahami, mendalami dan bersoal jawab mengenai sebarang terma dan syarat yang berkaitan dengan kontrak yang akan dimeteraikan. Dengan kewujudan sesi *majlis al-'aqd* seumpama ini, barulah ia menjadi kontrak yang sempurna, sah bahkan mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t..

### 3. *Muwafaqat al-ijab wa al-qabul*

*Al-ijab* dan *al-qabul* hendaklah serasi di antara satu sama lain. Sebagai contoh, *al-muajjir* berkata: “aku memberi sewa rumah ini kepada kamu dengan harga sekian” dan dijawab oleh *al-musta’jir*: “aku terima”. Jika jawapan yang diberikan bertentangan dengan lafaz pertama seperti: “aku beli harta tersebut” atau “aku terima hadiah tersebut”, maka kontrak tersebut adalah tidak sah.<sup>191</sup>

#### iii. *Al-ujrah*

Fuqaha’ telah menetapkan beberapa syarat dalam permasalahan *al-ujrah* iaitu:

1. Sewa atau upah hendaklah diketahui dengan jelas oleh setiap pihak yang berkontrak dari sudut kadar, jenis dan sifat pembayaran.<sup>192</sup>

Dalam sebuah hadith yang telah diriwayatkan daripada Abi Sa’id al-Khudri r.a., beliau berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ نَهَى عَنِ اسْتِئْجَارِ الْأَجِيرِ حَتَّىٰ يُبَيِّنَ لَهُ أَجْرَهُ

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w. telah melarang daripada pengambilan (pengupahan) seorang pekerja sehinggalah diberitahu kepadanya sewa atau upahnya.”<sup>193</sup>

2. Sewa atau upah hendaklah mempunyai nilai yang diiktiraf oleh syara’ dari sudut kesucian, manfaat dan keharusan.<sup>194</sup>
3. Sewa atau upah berada dalam keadaan boleh diserahkan.<sup>195</sup>

<sup>191</sup> Al-Kasani, *Badai’ al-Sanai’*, 5:136; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi et al., *al-Majmu’*, 9:200; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 4:247-248; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:11; al-Bujayrimi, *al-Bujayrimi*, 3:288; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina’*, 2:459; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:123; al-Kibbi, *al-Mu’amalat*, 52-56.

<sup>192</sup> Al-Kasani, *Badai’ al-Sanai’*, 5:193; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 4:249; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:430; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 237; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:131; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina’*, 3:233; ‘Abd al-Bar, *Ahkam al-Mu’amalat al-Maliyyah*, 339.

<sup>193</sup> Riwayat Ahmad dan al-Bayhaqi.

Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, 10:215 dan 224 (Musnad Abi Sa’id al-Khudri, no. hadith 11592 dan 11616); al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 6:198 (Kitab al-Ijarah, Bab la Tazuj al-Ijarah hatta takun Ma’lumah, no. hadith 11652).

<sup>194</sup> Al-Kasani, *Badai’ al-Sanai’*, 5:193; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 4:248-251; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:431; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 239; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:130.

#### iv. *Al-manfa'ah*

Fuqaha' juga telah menetapkan beberapa syarat dalam permasalahan *al-manfa'ah* iaitu:

1. Manfaat hendaklah diketahui dengan jelas oleh setiap pihak yang berkontrak dari sudut kedudukan (tempat), sifat dan kadar manfaat.
2. Manfaat hendaklah mempunyai nilai dan objektif yang diiktiraf oleh syara'.
3. Manfaat berada dalam keadaan boleh diserahkan atau mampu disempurnakan.
4. Manfaat tidak menyebabkan kerosakan atau kemusnahan kepada subjek kontrak.
5. Manfaat bukanlah sesuatu yang telah dipertanggungjawabkan kepada *al-musta'jir* seperti solat, puasa dan yang seumpama dengannya.<sup>196</sup>

---

<sup>195</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 4:251; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:430; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 238-240; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:131.

<sup>196</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 5:179-180 dan 192; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi*, 4:3; al-Sawi, *Bulghat al-Salik*, 2:244; al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, 4:252-263; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:431-444; Salih al-Kuzah Yanki, *Tuhfat al-Talibin*, 240-41; Mustafa al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhaji*, 3:124-127; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:230; 'Abd al-Bar, *Ahkam al-Mu'amalat al-Maliyyah*, 327-330.

## 2.4 *Musharakah Mutanaqisah* Dalam Sistem Muamalah Islam

### 2.4.1 Definisi *Musharakah Mutanaqisah*

#### 2.4.1.1 Dari Sudut Bahasa

*Musharakah* (مُشَارَكَةٌ) dari sudut bahasa bermaksud penglibatan beberapa pihak dalam perbuatan perkongsian, persekutuan,<sup>197</sup> syarikat atau perniagaan bersama.<sup>198</sup> Ia lahir daripada kata kerja (شَرِكُ يَشْرِكُ) yang bermaksud percampuran di antara dua individu yang bersekutu<sup>199</sup> atau percampuran dua bahagian atau lebih di mana kedua-dua bahagian tersebut tidak dapat dibezakan dan diasingkan di antara satu sama lain.<sup>200</sup>

*Mutanaqisah* (مُتَنَاقِصَةٌ) pula dari sudut bahasa bermaksud berkurangan, menjadi sedikit atau mengecil.<sup>201</sup> Ia dibina di atas acuan *mutaf'a'ilah* (مُتَفَاعِلَةٌ), daripada kata kerja (نَقَّصَ يَنْقُصُ), seterusnya menjadi (تَنَاقَصَ يَتَنَاقَصُ), yang bermaksud semakin berkurangan sedikit demi sedikit, menjadi semakin sedikit satu demi satu<sup>202</sup> atau terus berkurangan secara timbal balik.<sup>203</sup>

Berdasarkan beberapa definisi di atas, *musharakah mutanaqisah* dari sudut bahasa bermaksud perkongsian yang semakin berkurang<sup>204</sup> atau perkongsian yang semakin menurun.

<sup>197</sup> Al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi*, 1:320.

<sup>198</sup> Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasit*, 1:499-500; Ruhi Ba'albaki, *al-Mawrid*, 668; Mohd Khairi et al., *al-Miftah*, 1014.

<sup>199</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 4:2248.

<sup>200</sup> Ibn Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, 3:265; Dar al-Mashriq, *al-Munjid*, 384.

<sup>201</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 6:4523; Dar al-Mashriq, *al-Munjid*, 832; Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasit*, 2:983; al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi*, 1:341; Ruhi Ba'albaki, *al-Mawrid*, 1187.

<sup>202</sup> Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasit*, 2:983.

<sup>203</sup> Abdul Rashid Dail, *Bank Islam* (Selangor: Pustaka Rashfa Sdn. Bhd., 1994), 140.

<sup>204</sup> Laman sesawang BNM, dicapai 13 Oktober 2013, [http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/bm/2007/cp03\\_rencana\\_02.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/bm/2007/cp03_rencana_02.pdf).

#### 2.4.1.2 Dari Sudut Istilah

Fuqaha' berselisih pendapat dalam memberikan definisi *musharakah mutanaqisah* dari sudut istilah. Ia juga turut dikenali sebagai *musharakah muntahiyah bi al-tamlik* (perkongsian yang berakhir dengan pemilikan)<sup>205</sup> dan dalam beberapa bentuk tertentu yang akan dibincangkan selepas ini *mudarabah muntahiyah bi al-tamlik* (pelaburan yang berakhir dengan pemilikan).<sup>206</sup>

BNM mendefinisikan *musharakah mutanaqisah* sebagai suatu bentuk perkongsian apabila salah satu rakan kongsi berjanji untuk membeli bahagian pemilikan rakan kongsi yang lain sehingga ia memiliki sepenuhnya objek perkongsian.<sup>207</sup>

Suruhanjaya Sekuriti pula mendefinisikannya sebagai suatu bentuk akad pensyarikatan, iaitu pihak pembiaya yang merupakan antara rakan kongsi, memberikan hak kepada rakan kongsinya yang lain memiliki aset dengan sekali atau beberapa kali pembayaran iaitu secara beransur-ansur berdasarkan kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.<sup>208</sup>

Selain itu, terdapat beberapa lagi definisi *musharakah mutanaqisah* dari sudut istilah.

Pertama, suatu bentuk perkongsian di mana salah satu rakan kongsi berjanji untuk membeli bahagian pemilikan rakan kongsi yang lain secara beransur-ansur sehinggalah ia memiliki sepenuhnya objek perkongsian. Definisi ini diambil daripada *Majlis al-Ma'ayir al-Shar'iyah*.<sup>209</sup>

Kedua, suatu bentuk perkongsian di mana bank memberikan hak kepada rakan kongsinya untuk mengambil alih kedudukannya dalam pemilikan dengan sekali atau

---

<sup>205</sup> Muhammad Solah al-Sawi, *Mushkilah al-Istithmar fi al-Bunuk al-Islamiyyah* (Kaherah: Dar al-Wafa', 1990), 621; Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:388, 392 dan 517; 'Uthman Shibir, *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah*, 291; Wahbah al-Zuhayli, *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah*, 436; Ab. Mumin, *Sistem Kewangan Islam*, 389; Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2006), 16.

<sup>206</sup> Al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 236.

<sup>207</sup> BNM, *Resolusi Syariah*, 59.

<sup>208</sup> Suruhanjaya Sekuriti (2006), *Op. Cit.*

<sup>209</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:392.

beberapa kali pembayaran mengikut syarat-syarat yang disepakati bersama. Definisi ini telah dikemukakan oleh Amirah Mashhur dalam bukunya *al-Istithmar fi al-Iqtisad al-Islami*.<sup>210</sup>

Ketiga, persepakatan dua pihak untuk mewujudkan *shirkat al-milk* di antara keduanya dalam suatu projek atau hartanah atau pembinaan kilang atau selain itu di mana ia berakhir dengan perpindahan hak pemilikan satu pihak kepada pihak yang lain secara berperingkat-peringkat dengan menggunakan beberapa kontrak jual beli yang berasingan dan berturutan. Definisi ini telah dikemukakan oleh Nazih Hammad dalam Persidangan Akademi Fiqh Islam ke-13.<sup>211</sup>

Keempat, penglibatan bank sebagai rakan kongsi pembiaya (secara sepenuhnya atau sebahagiannya sahaja) dalam suatu projek yang dijangka mendatangkan keuntungan berdasarkan persetujuan rakan kongsi yang lain bahawa bank memperoleh peratusan tertentu daripada keuntungan bersih yang sebenar dengan haknya (bank) untuk mengekalkan bahagian yang berbaki yang diperuntukkan kepada rakan kongsi yang lain atau mana-mana bahagian daripada keuntungan yang disepakati sebagai bayaran tebusan untuk memiliki bahagian pemilikan bank. Definisi ini diambil daripada Undang-undang Bank Islam Jordan (*Qanun al-Bank al-Islami al-Urduni*).<sup>212</sup>

Kelima, suatu bentuk kontrak perkongsian di antara dua pihak terhadap objek tertentu di mana kedua-dua pihak bersetuju yang salah satu pihak menjual bahagian pemilikannya kepada pihak yang lain secara berperingkat-peringkat dengan menggunakan beberapa kontrak jual beli yang berasingan dan berturutan. Dalam masa yang sama, menyewakan objek tersebut kepada salah satu pihak atau pihak ketiga dan keuntungannya dibahagikan mengikut bahagian pemilikan setiap pihak. Definisi ini

---

<sup>210</sup> *Ibid.*; ‘Uthman Shibir, *al-Mu‘amalat al-Maliyyah al-Mu‘asarah*, 292; al-‘Imrani, *al-‘Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 231; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 33.

<sup>211</sup> Majma‘ al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:393; al-‘Imrani, *al-‘Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 232.

<sup>212</sup> ‘Abd al-Sattar Abu Ghuddah tidak menyatakan sumber definisi tersebut, manakala al-‘Imrani dan al-Kawamilah menyatakan bahawa ia diambil daripada Qanun al-Bank al-Islami al-Urduni, no. 13, per. 8, tahun 1978. Majma‘ al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:393; al-‘Imrani, *al-‘Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 233; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 32.



telah dikemukakan oleh ‘Ali Hasan al-Shadhili dalam Persidangan Akademi Fiqh Islam ke-13.<sup>213</sup>

Akademi Fiqh Islam pula mendefinisikan *musharakah mutanaqisah* sebagai suatu bentuk perkongsian di antara dua pihak dalam suatu projek yang mendatangkan keuntungan di mana salah satu pihak berjanji untuk membeli bahagian pemilikan rakan kongsi yang lain secara beransur-ansur sama ada pembelian tersebut diambil daripada bahagian keuntungan pihak pembeli atau daripada sumber-sumber yang lain.<sup>214</sup>

Berdasarkan pemerhatian terhadap definisi-definisi di atas, al-‘Imrani menyatakan bahawa definisi yang paling tepat bagi *musharakah mutanaqisah* ialah definisi al-Shadhili.<sup>215</sup> Al-Kawamilah pula menyatakan bahawa definisi yang paling tepat ialah definisi Akademi Fiqh Islam. Walau bagaimanapun, beliau mencadangkan beberapa penambahbaikan dilakukan agar definisi tersebut menjadi lebih sempurna iaitu suatu bentuk perkongsian di antara dua pihak atau lebih dalam suatu projek yang mendatangkan manfaat kebendaan di mana salah satu pihak berjanji untuk membeli bahagian pemilikan yang berbaki sama ada pembelian tersebut diambil daripada bahagian keuntungan pihak pembeli atau daripada sumber-sumber yang lain.<sup>216</sup>

Perselisihan pendapat di atas berlaku disebabkan oleh beberapa perkara. Pertama, perbezaan pandangan dalam penentuan sama ada ia dibina di atas dasar *shirkat al-milk* atau *shirkat al-‘aqd*. Kedua, perbezaan pandangan dalam penentuan objektif di sebalik pembinaan kontrak tersebut sama ada ia merupakan instrumen pembiayaan dan pelaburan di sebelah pihak atau instrumen pembiayaan dan pelaburan bagi kedua-dua pihak. Ketiga, perbezaan pandangan dalam penentuan kontrak-kontrak yang terlibat dalam kontrak tersebut.

---

<sup>213</sup> Al-‘Imrani, *al-‘Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 233.

<sup>214</sup> Majma‘ al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:645.

<sup>215</sup> Al-‘Imrani, *al-‘Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 233.

<sup>216</sup> Al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 36.

Berdasarkan huraian-huraian di atas, penulis berpandangan definisi-definisi yang telah dikemukakan oleh BNM dan *Majlis al-Ma'ayir al-Shar'iyah* sudah boleh diterima sebagai definisi *musharakah mutanaqisah* dari sudut istilah yang sempurna. Definisi-definisi tersebut telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam permasalahan *al-ta'rif* iaitu bersifat dengan *jami'*, *mani'*, jelas, nyata dan terpelihara daripada perkara-perkara yang mengelirukan,<sup>217</sup> manakala definisi-definisi lain mempunyai beberapa kelemahan terutamanya penggunaan istilah yang kurang tepat seperti “pembiaya” dalam definisi Suruhanjaya Sekuriti, “dua pihak” dan “*shirkat al-milk*” dalam definisi Nazih Hammad, “*al-ijarah*” dalam definisi al-Shadhili, “bank” dan “keuntungan” dalam definisi Bank Islam Jordan dan sekali lagi “keuntungan” dalam definisi Akademi Fiqh Islam serta al-Kawamilah.

Penulis menyatakan demikian kerana penulis berpandangan *musharakah mutanaqisah* sebenarnya boleh berlaku dalam kedua-dua kategori sama ada *shirkat al-milk* ataupun *shirkat al-'aqd*. Jika objektif kontrak tersebut adalah sebagai instrumen pembiayaan dan pelaburan di sebelah pihak sahaja, maka ia seharusnya tertakluk di bawah hukum *shirkat al-milk* dan jika objektifnya adalah sebagai instrumen pembiayaan dan pelaburan bagi kedua-dua pihak, maka ia seharusnya tertakluk di bawah hukum *shirkat al-'aqd*. Di samping itu, penentuan kontrak-kontrak yang terlibat dalam *musharakah mutanaqisah* juga turut dipengaruhi oleh kedua-dua kategori di atas.

Sehubungan dengan itu, penulis mencadangkan definisi yang lebih tepat bagi *musharakah mutanaqisah* dari sudut istilah adalah suatu bentuk perkongsian sama ada secara pemilikan atau kontrak di mana salah satu rakan kongsi berjanji untuk membeli bahagian pemilikan rakan kongsi yang lain sehingga ia memiliki sepenuhnya objek perkongsian.

---

<sup>217</sup> Al-Ibrahimi, *‘Ilm al-Mantiq*, 27-28.

#### 2.4.2 Pembentukan *Musharakah Mutanaqisah*

*Musharakah mutanaqisah* adalah sejenis *'aqd al-murakkabah* atau kontrak hibrid. Ia bukanlah suatu kontrak yang dibina di atas mana-mana kontrak dalam sistem muamalah Islam secara tunggal, sebaliknya suatu kontrak yang dibina di atas gabungan beberapa kontrak yang diharuskan oleh syara' untuk membentuk suatu kontrak baru sesuai dengan kehendak dan perubahan semasa.

Fuqaha' berselisih pendapat dalam menentukan bentuk *musharakah mutanaqisah*. Sebahagian daripada bentuk-bentuk kontrak tersebut telah dikemukakan dan diperakui dalam Persidangan Bank Islam pertama<sup>218</sup> dan selebihnya pula telah dikemukakan dan diperakui dalam Persidangan Akademi Fiqh Islam ke-13 dan ke-15.<sup>219</sup>

Bentuk-bentuk yang dimaksudkan ialah:

- i. *Musharakah mutanaqisah* bersama dengan janji pembelian atau bersifat bebas
- ii. *Musharakah mutanaqisah* dengan pembiayaan bersama
- iii. *Musharakah mutanaqisah* dengan pemilikan saham
- iv. *Musharakah mutanaqisah* dengan pembiayaan projek sedia ada
- v. *Musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-istisna'*
- vi. *Musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-ijarah*
- vii. *Musharakah mutanaqisah* dengan pembiayaan bank terhadap institusi-institusi bersekutu
- viii. *Musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-mudarabah*.

Bentuk pertama ialah bank bersetuju dengan pelanggan dalam penentuan kadar sumbangan setiap pihak terhadap modal perkongsian dan syarat-syaratnya. Selepas persetujuan di atas sempurna, bank menjual bahagian pemilikannya kepada pelanggan

---

<sup>218</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:414-415, 461-462, 523-524 dan 585-586; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 233-235; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 53-55.

<sup>219</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:525-526; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 234-236; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 54-57.

dalam satu kontrak lain yang berasingan. Pelanggan berhak menjual bahagiannya kepada bank atau pihak lain dan begitu juga bank berhak menjual bahagiannya kepada pelanggan atau pihak lain. *Musharakah* ini dinamakan sebagai *musharakah mutanaqisah* bersama dengan janji pembelian<sup>220</sup> atau *musharakah mutanaqisah* bersifat bebas.<sup>221</sup>

Bentuk kedua ialah bank bersetuju dengan pelanggan dalam perkongsian pembiayaan (secara sepenuhnya atau sebahagiannya sahaja) terhadap suatu projek yang dijangka memperoleh keuntungan. Perkongsian ini dibina di atas persetujuan bank dengan pelanggan bahawa bank memperoleh nisbah tertentu daripada keuntungan bersih yang sebenar dengan haknya (bank) untuk mengekalkan sebahagian baki daripada keuntungan atau mana-mana bahagian daripada keuntungan yang telah disepakati bersama untuk diserahkan kepada bank bagi menampung jumlah pembiayaan bank ke atas projek. *Musharakah* ini dinamakan sebagai *musharakah mutanaqisah* dengan pembiayaan bersama.<sup>222</sup>

Bentuk ketiga ialah bank dan pelanggan menentukan kadar sumbangan setiap pihak ke atas objek perkongsian dalam bentuk saham. Setiap pihak menerima keuntungan daripada bahagian saham masing-masing dalam perkongsian. Jika berkehendak, rakan kongsi boleh mengambil alih saham-saham pemilikan bank dalam jumlah tertentu pada setiap tahun sehinggalah dia memiliki sepenuhnya objek perkongsian. *Musharakah* ini dinamakan sebagai *musharakah mutanaqisah* dengan pemilikan saham.<sup>223</sup>

---

<sup>220</sup> Al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 233-234.

<sup>221</sup> Al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 53.

<sup>222</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:526; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 235; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 53-54.

<sup>223</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:526; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 234; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 54.

Ketiga-tiga bentuk kontrak di atas telah dikemukakan dan dipraktikkan dalam Persidangan Bank Islam yang pertama.<sup>224</sup>

**Jadual 2.2**  
**Gambaran Asas *Musharakah Mutanaqisah***



Bentuk keempat ialah pelanggan memiliki sebuah projek sedia ada dan menghadapi masalah kekurangan modal untuk meneruskan projek tersebut. Pelanggan mengemukakan permasalahan tersebut kepada bank dan bank bersetuju untuk menjadi rakan kongsi pelanggan dengan menyediakan peralatan atau keperluan yang dikehendaki. Bank memperolehi keuntungan daripada bahagiannya dan sebahagian yang lain bagi menampung jumlah pembiayaan bank ke atas projek. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa bank menjual bahagiannya kepada pelanggan dengan sekali pembayaran atau beberapa kali pembayaran sehinggalah pelanggan memiliki

<sup>224</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:414-415, 461-462, 523-524 dan 585-586; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 233-235; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 53-55.

sepenuhnya bahagian bank. *Musharakah* ini dinamakan sebagai *musharakah mutanaqisah* dengan pembiayaan projek sedia ada.<sup>225</sup>

Bentuk kelima ialah pelanggan memiliki sebidang tanah dan menghadapi masalah kekurangan modal untuk membangunkan tanah tersebut. Pelanggan mengemukakan permasalahan tersebut kepada bank dan bank bersetuju untuk membina sebuah bangunan dengan menggunakan kontrak *al-istisna'*. Bank dan pelanggan bersama-sama mengeluarkan modal untuk pembinaan bangunan. Jika pelanggan mengekalkan hak pemilikan tanah secara bersendirian, keuntungan dibahagikan di antara kedua-dua pihak mengikut kadar yang disepakati bersama. Dalam keadaan ini, pelanggan membayar kepada bank modal yang dikeluarkan oleh bank dengan sekali pembayaran atau beberapa kali pembayaran, manakala bank pula tidak berhak untuk memiliki sebarang keistimewaan kenaikan harga bangunan. Jika pelanggan memasukkan sekali harga tanah dalam perjanjian, maka dia merupakan rakan kongsi bank bagi tanah dan bangunan. Dalam keadaan ini, bank berhak menikmati keistimewaan kenaikan harga bangunan, manakala pelanggan diberi pilihan sama ada untuk menjual bangunan atau membelinya dengan harga pasaran. *Musharakah* ini dinamakan sebagai *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-istisna'*.<sup>226</sup>

Bentuk keenam ialah bank bersetuju dengan pelanggan terhadap suatu projek di mana pelanggan berjanji untuk menyewa objek perkongsian dalam suatu tempoh tertentu dan dengan menggunakan *ujrah al-mithl* (kadar sewa yang setanding). Dalam keadaan ini, sifat pelanggan adalah sebagai rakan kongsi dan penyewa. Jika kedua-dua pihak memilih untuk membina perkongsian di atas dasar *shirkat al-'aqd*, maka keuntungan dibahagikan mengikut persetujuan yang disepakati bersama, manakala jika kedua-dua pihak memilih untuk membina perkongsian di atas dasar *shirkat al-milk*, maka keuntungan dibahagikan mengikut bahagian masing-masing dalam perkongsian.

---

<sup>225</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:525; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 234; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 55.

<sup>226</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:525; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 55-56.

*Musharakah* ini dinamakan sebagai *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-ijarah*.<sup>227</sup>

**Jadual 2.3**  
**Gambaran *Musharakah Mutanaqisah* Bersama Dengan *al-Ijarah***



Bentuk ketujuh ialah bank bersekutu dengan bank lain dalam mengeluarkan pembiayaan terhadap suatu projek di mana satu persetujuan awal dicapai iaitu salah satu bank (bank-bank) menarik diri demi kepentingan rakan kongsi (rakan-rakan kongsi) yang lain dan keuntungan dibahagikan mengikut persetujuan yang disepakati bersama. *Musharakah* ini dinamakan sebagai *musharakah mutanaqisah* dengan pembiayaan bank terhadap institusi-institusi bersekutu.<sup>228</sup>

Bentuk kelapan ialah bank bertindak sebagai pengeluar modal dan pelanggan bertindak sebagai pengusaha sesuatu projek. Keuntungan dibahagikan mengikut

<sup>227</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:525-526; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 235; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 57.

<sup>228</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:525; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 235; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 56.

persetujuan yang disepakati bersama disertakan dengan janji pemilikan projek daripada bank. *Musharakah* ini dinamakan sebagai *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-mudarabah*.<sup>229</sup>

Kesemua bentuk kontrak di atas telah dikemukakan dan diperakui dalam Persidangan Akademi Fiqh Islam ke-13 dan ke-15.<sup>230</sup>

Secara umumnya, keseluruhan bentuk *musharakah mutanaqisah* di atas mengandungi sekurang-kurangnya dua kontrak utama iaitu *al-shirkah* dan *al-bay'*. Ia juga mengandungi satu elemen penting yang menghubungkan kedua-dua kontrak tersebut iaitu *al-wa'd*. Dalam beberapa keadaan tertentu, ia juga turut melibatkan beberapa kontrak lain seperti *al-istisna'*, *al-ijarah* dan *al-mudarabah*. Sehubungan dengan itu, kesemua kontrak di atas adalah tertakluk kepada rukun dan syarat setiap kontrak yang terlibat. Ini bermakna *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-istisna'* hendaklah mematuhi rukun dan syarat *al-shirkah*, *al-bay'* dan *al-istisna'*, manakala *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-ijarah* hendaklah mematuhi rukun dan syarat *al-shirkah*, *al-bay'* dan *al-ijarah* dan begitulah seterusnya.

Selain itu, penulis mengandaikan bahawa perkembangan bentuk-bentuk *musharakah mutanaqisah* tidak akan berakhir dengan kelapan-lapan bentuk di atas, sebaliknya akan ada beberapa *ijtihad* dan inovasi baru yang akan menyusul sesuai dengan kehendak dan perubahan semasa. Dalam konteks kajian ini pula, bentuk kontrak yang akan dibincangkan ialah bentuk keenam iaitu *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-ijarah*.

### **2.4.3 Hukum Musharakah Mutanaqisah**

Fuqaha' berselisih pendapat dalam menentukan keharusan *musharakah mutanaqisah*. Majoritinya menerima keharusan kontrak tersebut selagi ia memenuhi

---

<sup>229</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:526; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 57.

<sup>230</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:525-526; al-'Imrani, *al-'Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah*, 234-236; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 54-57.



hukum-hukum *al-musharakah* serta mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Antaranya ialah Nazih Hammad,<sup>231</sup> ‘Uthman Shibir,<sup>232</sup> Wahbah al-Zuhayli,<sup>233</sup> ‘Abd al-Sattar Abu Ghuddah,<sup>234</sup> Sano Koutoub Moustapha,<sup>235</sup> ‘Ajil Jasim al-Nashmi,<sup>236</sup> Muhammad Taqi Usmani,<sup>237</sup> Jasim ‘Ali Salim al-Shamsi, Ahmad Muhyiddin Ahmad, ‘Ali Hasan al-Shadhili, ‘Abd al-Salam al-‘Ubbadi<sup>238</sup> dan Qal‘aji.<sup>239</sup>

Keharusan ini berpandukan kepada dalil-dalil berikut:

i. Dalil *naqli* (nas)

*Musharakah mutanaqisah* dibina di atas gabungan beberapa kontrak yang diharuskan dalam sistem muamalah Islam. Antaranya ialah *al-shirkah*, *al-bay‘*, *al-ijarah*, *al-mudarabah* dan *al-istisna‘*. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bahagian terdahulu, keharusan *al-shirkah* dan *al-ijarah* adalah berpandukan kepada dalil-dalil yang diperolehi daripada al-Qur’an, al-sunnah dan al-ijma‘. Begitulah juga keadaannya dengan kontrak-kontrak yang lain. Walau bagaimanapun, penulis tidak berhasrat untuk memuatkan perbincangan mengenai keharusan kontrak-kontrak tersebut dalam ruang yang terhad ini dan berpadalah dengan lambakan kitab-kitab fiqh yang telah membincangkannya secara begitu mendalam dan terperinci.

Selain itu, menunaikan tanggungjawab setelah berkontrak adalah suatu kewajipan yang jelas dan nyata berdasarkan firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Surah al-Maidah 5: 1

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...”<sup>240</sup>

<sup>231</sup> Nazih Hammad, *al-‘Uqud al-Murakkabah*, 73-75.

<sup>232</sup> ‘Uthman Shibir, *al-Mu‘amalat al-Maliyyah al-Mu‘asarah*, 294.

<sup>233</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Mu‘amalat al-Maliyyah al-Mu‘asarah*, 436.

<sup>234</sup> Majma‘ al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:387-416.

<sup>235</sup> *Ibid.*, 1:517-576.

<sup>236</sup> *Ibid.*, 1:614 dan 619-624; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 96.

<sup>237</sup> Taqi Usmani, *An Introduction to Islamic Finance*, 30-35.

<sup>238</sup> Majma‘ al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:613-642; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 96.

<sup>239</sup> Majma‘ al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:532.

<sup>240</sup> Sheikh Abdullah Basmeih et al., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, 242.

Menurut al-Hasan, perjanjian yang dimaksudkan ialah apa yang dimeteraikan oleh seseorang untuk dirinya daripada penjualan, pembelian, penyewaan, pernikahan, perceraian, *muzara'ah*, *musalahah*, pemilikan, pemilihan, pembebasan, pentadbiran dan pelbagai lagi selagi mana ia tidak keluar daripada syariat.<sup>241</sup> Menurut Zayd b. Aslam pula, ia merujuk kepada enam perkara iaitu perjanjian dengan Allah s.w.t., kontrak sumpah, *al-shirkah*, *al-bay'*, *al-nikah* dan *al-yamin*.<sup>242</sup> Ini bermakna apabila seseorang itu memeteraikan kontrak *musharakah mutanaqisah*, maka dia wajib menyempurnakan tanggungjawab-tanggungjawab yang telah disepakati dalam kontrak tersebut seperti janji pembelian, pembayaran sewa dan penyerahan hak pemilikan.

ii. Penggunaan *qiyas*

Majoriti fuqaha' terdahulu dan kontemporari mengharuskan penggabungan beberapa kontrak dalam satu transaksi selagi setiap kontrak yang terlibat diharuskan oleh syara' dan tiada dalil melarang perbuatan tersebut.<sup>243</sup>

Permasalahan ini telah dijelaskan oleh Malik b. Anas ketika membahaskan tentang penggabungan dua kontrak jual beli hamba dalam satu transaksi,<sup>244</sup> al-Kasani ketika membahaskan tentang penggabungan *al-wakalah* dan *al-kafalah* dalam *shirkat al-mufawadah*,<sup>245</sup> al-Sharbini ketika membahaskan tentang penggabungan *al-bay'* dan *al-ijarah* atau *al-ijarah* dan *al-salam*<sup>246</sup> dan al-Bahuti ketika membahaskan tentang penggabungan *al-wakalah*, *al-bay'* dan *al-qard*.<sup>247</sup>

Menurut al-Kasani dan al-Bahuti, setiap kontrak yang diharuskan oleh syara' secara bersendirian, maka begitulah juga hukumnya secara berkumpulan.<sup>248</sup> Ibn Qayyim

---

<sup>241</sup> Al-Qurtubi, *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, 7:247.

<sup>242</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 5:9.

<sup>243</sup> Malik b. Anas, *al-Mudawwanah al-Kubra* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 3:168; al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:58; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:56; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:183.

<sup>244</sup> Malik b. Anas, *al-Mudawwanah al-Kubra*, 3:168.

<sup>245</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:58.

<sup>246</sup> Al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 2:56.

<sup>247</sup> Al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:183.

<sup>248</sup> Al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, 6:58; al-Bahuti, *Kashshaf al-Qina'*, 3:183.

al-Jawziyyah pula menjelaskan bahawa tiada larangan dalam penggabungan dua kontrak yang setiap satu daripadanya adalah harus secara bersendirian.<sup>249</sup>

Selain itu, kontrak-kontrak gabungan atau hibrid seperti *al-murabahah lil-amir bi al-shira'* dan *al-ijarah al-muntahiyah bi al-tamlik* sebenarnya telah dikemukakan, dibincangkan dan diperakui dalam beberapa siri persidangan fiqh seperti Persidangan Nadwah al-Fiqhiyyah Bayt al-Tamwil Kuwait yang pertama pada Mac 1987 dan Persidangan Akademi Fiqh Islam ke-5 pada Disember 1988M/Jamadil Awwal 1409H dan ke-6 pada Mac 1990M/Sya'ban 1410H.<sup>250</sup>

Ia kemudiannya telah dibincangkan secara mendalam oleh Nazih Hammad dalam bukunya, *al-'Uqud al-Murakkabah fi al-Fiqh al-Islami* dan beliau telah meletakkan *musharakah mutanaqisah* sebaris dengan *al-murabahah lil-amir bi al-shira'* dan *al-ijarah al-muntahiyah bi al-tamlik*.<sup>251</sup>

Majlis Penasihat Syariah BNM juga telah memutuskan bahawa amalan menghimpunkan perjanjian *musharakah* dan *ijarah* dalam satu dokumen perjanjian adalah dibenarkan selagi kedua-dua kontrak tersebut dimeteraikan secara berasingan dan jelas serta tidak bercampur aduk di antara satu sama lain.<sup>252</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, ini bermakna hukum transaksi yang mempunyai lebih daripada satu kontrak dilihat berpandukan kepada hukum setiap kontrak yang terlibat secara berasingan. Apabila setiap kontrak yang terlibat diharuskan oleh syara', maka keseluruhan transaksi tersebut juga adalah diharuskan.<sup>253</sup>

Maka berdasarkan penggunaan *qiyas* di atas, majoriti fuqaha' menyatakan bahawa *musharakah mutanaqisah* adalah suatu kontrak yang diharuskan dalam sistem muamalah Islam.

---

<sup>249</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin* (Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawziyyah, 1405H), 5:310.

<sup>250</sup> 'Uthman Shibir, *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah*, 264-273 dan 283-284; Wahbah al-Zuhayli, *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah*, 136-137 dan 396-413.

<sup>251</sup> Nazih Hammad, *al-'Uqud al-Murakkabah*, 71-75.

<sup>252</sup> BNM, *Resolusi Syariah*, 44.

<sup>253</sup> Nazih Hammad, *al-'Uqud al-Murakkabah*, 9-10.

iii. Kaedah fiqh *al-asl fi al-mu'amalat al-ibahah* (الأصل في المعاملات الإباحة)

*Musharakah mutanaqisah* mengandungi dua kontrak utama iaitu *al-shirkah* dan *al-bay'* dan satu elemen penting iaitu *al-wa'd*. Dalam beberapa keadaan tertentu, ia juga turut melibatkan beberapa kontrak lain seperti *al-istisna'*, *al-ijarah* dan *al-mudarabah*. Kesemuanya merupakan kontrak-kontrak yang diharuskan dalam sistem muamalah Islam.

Menurut 'Uthman Shibir, *musharakah mutanaqisah* tidak mengandungi perkara-perkara yang dilarang serta tidak menyanggah kaedah-kaedah fiqh yang telah ditetapkan.<sup>254</sup> Menurut Wahbah al-Zuhayli, kedua-dua bentuk *musharakah* sama ada *thabitah* (kekal) atau *mutanaqisah* (berkurangan) adalah harus dan dibenarkan dalam Islam memandangkan ia tidak bertentangan dengan sebarang nas syara'.<sup>255</sup> Syara' mengharuskan penggabungan beberapa kontrak dalam sesebuah transaksi apabila setiap kontrak yang terlibat diharuskan oleh syara' selagi tiada nas yang menghalang transaksi tersebut.

Menurut Ibn Taymiyyah, dalam urusan muamalat di dunia, tiada pengharaman melainkan apa yang telah diharamkan oleh Allah s.w.t. dan tiada agama melainkan apa yang telah disyariatkan oleh-Nya.<sup>256</sup> Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah pula, asal hukum dalam permasalahan kontrak dan syarat adalah sah melainkan apa yang dibatalkan oleh syara' atau ia melarangnya.<sup>257</sup>

Berdasarkan huraian-huraian di atas, kaedah fiqh telah menjelaskan bahawa *al-asl fi al-mu'amalat al-ibahah* yang bermaksud hukum asal dalam muamalat adalah harus. Ini bermakna selagi mana *musharakah mutanaqisah* tidak mengandungi perkara-

---

<sup>254</sup> 'Uthman Shibir, *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah*, 264-273; *Majma' al-Fiqh al-Islami, Majallah*, 1:393.

<sup>255</sup> *Majma' al-Fiqh al-Islami, Majallah*, 1:530.

<sup>256</sup> Ibn Taymiyyah, *Jami' al-Rasail* (Jeddah: Dar al-Madani, 1405H), 2:317; Nazih Hammad, *al-'Uqud Al-Murakkabah*, 8.

<sup>257</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lam al-Muwaqqi'in*, 3:107; Nazih Hammad, *al-'Uqud al-Murakkabah*, 8.

perkara yang dilarang atau bertentangan dengan syara' serta tidak menyanggah kaedah-kaedah fiqh yang telah ditetapkan, maka hukumnya adalah harus.

- iv. Keperluan pelabur (bank) dan pengguna (pelanggan) terhadap *musharakah mutanaqisah*.

Menurut 'Abd al-Sattar Abu Ghuddah, *musharakah mutanaqisah* merupakan instrumen pelaburan dan pembiayaan yang menggambarkan sifat sistem kewangan Islam yang berasaskan *iqtisad al-musharakah* (ekonomi perkongsian) bagi menggantikan sistem kewangan konvensional yang berasaskan *iqtisad al-faidah* (ekonomi riba). Ia juga merupakan instrumen terbaik bagi pelbagai bentuk *al-istithmar al-jama'iyah* (pelaburan kolektif) sama ada kepada bank, pelanggan dan juga masyarakat.

Selain itu, keharusan *musharakah mutanaqisah* juga adalah selari dengan ketetapan Akademi Fiqh Islam yang terdahulu di mana ia berusaha untuk menghadkan penggunaan *al-murabahah li al-amir bi al-shira'* dan memperluaskan penggunaan pelbagai instrumen berasaskan *al-mudarabah* dan *al-musharakah*.<sup>258</sup>

Menurut Wahbah al-Zuhayli, *musharakah mutanaqisah* memiliki nilai-nilai *al-jama'iyah* (kebersamaan) di mana sebuah bank ialah rakan kongsi sebenar kepada pelanggan. Ia bersama-sama dalam menyediakan modal sesebuah projek, merancang strategi pengeluaran dan pemasaran serta memantau projek tersebut dari sudut keuntungan dan kerugian tanpa meletakkan pelanggan dalam bebanan hutang berasaskan riba yang perlu dijelaskan sama ada pelanggan untung atau rugi. Hal ini demikian kerana objektif daripada *musharakah* ialah percambahan harta dalam keadaan sedar bahawa sesebuah projek itu berhadapan dengan keuntungan atau kerugian.<sup>259</sup>

Menurut al-Kawamilah pula, *musharakah mutanaqisah* memiliki beberapa keistimewaan antaranya ialah ia merupakan instrumen pelaburan dan pembiayaan yang

---

<sup>258</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:387-389.

<sup>259</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah*, 433.

bebas daripada riba dan berpaksikan kepada keadilan di mana keuntungan dan kerugian ditanggung secara bersama, ia memberikan kemudahan kepada setiap pihak yang terlibat dari sudut pemerolehan modal, tanggungan risiko dan pembahagian untung rugi dan ia memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak yang terlibat di mana bank memperoleh keuntungan sepanjang tempoh *musharakah* dan pelanggan pula memiliki projek tersebut di penghujung tempoh tersebut dan beberapa lagi.<sup>260</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian fuqaha' yang tidak menerima keharusan *musharakah mutanaqisah*. Antaranya ialah 'Ali Ahmad Salus, Husayn Kamil Fahmi dan Salih al-Marzuqi. Pandangan ini dikemukakan setelah melihat beberapa *shubhah* (keraguan) yang berlaku dalam kontrak tersebut seperti *al-qard al-ribawi*, *bay' al-'inah*, *al-wa'd*, *bay' al-wafa'* dan ketiadaan unsur *al-daimumah* (berterusan).<sup>261</sup> Namun demikian, 'Ali Ahmad Salus mengharuskan kontrak tersebut jika beberapa garis panduan yang ditetapkan dapat dipatuhi.<sup>262</sup>

Dalam kesempatan yang terhad ini, penulis tidak bercadang untuk memperhalusi perbincangan berkaitan dengan *shubhah-shubhah* di atas memandangkan ia telah dibincangkan secara terperinci dalam Persidangan Akademi Fiqh Islam ke-13 dan juga ke-15.

Berdasarkan perbincangan demi perbincangan dalam dua persidangan di atas, penulis menyimpulkan bahawa sebenarnya permasalahan *al-qard al-ribawi*, *bay' al-'inah* dan *bay al-wafa'* tidak seharusnya timbul kerana hubungan bank dan pelanggan dalam peringkat pertama *musharakah mutanaqisah* adalah sebagai rakan kongsi dan bukannya pemiutang dan penghutang dan begitu juga dalam peringkat terakhir kontrak tersebut adalah sebagai penjual dan pembeli dan bukannya pemiutang dan penghutang.

---

<sup>260</sup> Al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 49-52 dan 97-98.

<sup>261</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:419-513 dan 624-628; al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 99-103.

<sup>262</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:508-513 dan 624-625.

Bagaimana mungkin berlakunya *al-qard al-ribawi* sedangkan tidak wujud sebarang transaksi hutang di antara bank dan pelanggan sama ada dalam peringkat pertama sebagai rakan kongsi, peringkat kedua sebagai pemilik perkhidmatan atau manfaat dan penyewa (jika ia merupakan *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-ijarah*) atau peringkat terakhir sebagai penjual dan pembeli? Bagaimana mungkin berlakunya *bay' al-'inah* dan *bay al-wafa'* sedangkan transaksi jual beli di antara bank dan pelanggan hanya berlaku sekali sahaja iaitu dalam peringkat terakhir kontrak tersebut?

Bukan itu sahaja, kaedah fiqh *al-asl fi al-mu'amalat al-ibahah* adalah suatu kaedah fiqh yang cukup signifikan sehingga sukar untuk seseorang menafikan keharusan sesuatu kontrak hanya dengan beberapa *shubhah* yang berlaku dalam kontrak tersebut. Apatah lagi jika *shubhah* tersebut boleh dielakkan dengan penetapan beberapa garis panduan yang tertentu.

Maka oleh sebab itu, berdasarkan pemerhatian penulis terhadap justifikasi-justifikasi yang telah dikemukakan oleh setiap pihak, penulis cenderung untuk menyatakan bahawa dalam permasalahan ini pandangan majoriti fuqaha' adalah lebih tepat. Permasalahan ini turut dianalisis oleh al-Kawamilah dan beliau juga telah mentarjihkan pandangan yang sama.<sup>263</sup>

Selain itu, penulis juga berpandangan terdapat satu lagi permasalahan yang perlu diberikan perhatian iaitu *daman al-ribh* (jaminan keuntungan). Namun demikian, sekali lagi *shubhah* ini tidak memadai untuk menafikan keharusan *musharakah mutanaqisah* memandangkan ia boleh dielakkan dengan mengikuti beberapa garis panduan yang telah ditetapkan oleh fuqaha'.

---

<sup>263</sup> Al-Kawamilah, *al-Musharakah al-Mutanaqisah*, 104-116.

Sebagai kesimpulan, berikut ialah resolusi Persidangan Akademi Fiqh Islam ke-15 berhubung dengan *musharakah mutanaqisah*:<sup>264</sup>

- i. *Musharakah mutanaqisah* ialah satu kontrak baru yang mengandungi perkongsian dua pihak dalam satu projek yang menghasilkan keuntungan di mana salah satu pihak berjanji untuk membeli bahagian pemilikan pihak lain secara berperingkat-peringkat sama ada pembelian dilakukan dengan menggunakan bahagian hasil keuntungan pembeli atau daripada sumber lain.
- ii. Asas pembinaan *musharakah mutanaqisah* ialah satu kontrak yang dimeteraikan oleh dua pihak dan kedua-duanya menyumbang bahagian dalam modal perkongsian sama ada dalam bentuk wang tunai ataupun barangan selepas penilaiannya dilakukan disertakan dengan penjelasan kaedah pembahagian keuntungan di mana setiap pihak menanggung kerugian (jika berlaku) mengikut kadar bahagian pemilikan dalam perkongsian.
- iii. Keistimewaan *musharakah mutanaqisah* ialah kewujudan *al-wa'd al-mulzim* daripada salah satu pihak sahaja di mana ia akan memiliki bahagian pihak lain dan pihak lain diberikan *khiyar* (pilihan) dan ia berlaku dengan cara pemeteraian kontrak jual beli setiap bahagian pemilikan walaupun dengan sekadar pertukaran nama melalui *al-ijab* dan *al-qabul*.
- iv. Salah satu pihak dibenarkan meminta pihak lain menyewakan bahagiannya dengan kadar sewaan yang diketahui dan tempoh masa yang ditentukan dalam keadaan setiap pihak kekal bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan asas bahagian pemilikannya.
- v. *Musharakah mutanaqisah* adalah diharuskan apabila ia memenuhi hukum-hukum umum *al-shirkah* serta mematuhi garis panduan di bawah:
  1. Tiada perjanjian bahawa salah satu pihak membeli bahagian pihak lain dengan harga semasa *al-shirkah* berlaku kerana ia merupakan

---

<sup>264</sup> Majma' al-Fiqh al-Islami, *Majallah*, 1:645-646.



jaminan satu pihak ke atas pihak yang lain, bahkan sepatutnya harga jualan hendaklah ditentukan berpandukan kepada harga semasa atau berdasarkan kepada persetujuan ketika mana proses jual beli berlaku.

2. Tiada penetapan syarat bahawa salah satu pihak menanggung perbelanjaan insuran (takaful), penyelenggaraan atau sebarang bentuk perbelanjaan lain, bahkan perbelanjaan hendaklah ditanggung berpandukan kepada kadar bahagian pemilikan dalam perkongsian.

3. Penetapan keuntungan hendaklah berdasarkan kepada kadar terbuka dan tidak dibenarkan berdasarkan kepada jumlah tertentu daripada keuntungan atau peratusan tertentu daripada jumlah sumbangan modal perkongsian.

4. Setiap kontrak hendaklah dimeteraikan secara berasingan.

5. Tiada penetapan ke atas hak salah satu pihak untuk mengambil kembali modal perkongsian yang telah disumbangkan.

## 2.5 Kesimpulan

*Musharakah mutanaqisah* adalah sejenis '*aqd al-mustajiddah* dan '*aqd al-murakkabah*. Ia dianggap sebagai '*aqd al-mustajiddah* kerana kemunculannya hanya dapat dikesan pada penghujung tahun 1980-an sahaja dan tidak pernah dibincangkan oleh fuqaha' terdahulu apatah lagi dimuatkan dalam kitab-kitab *turath* peninggalan mereka. Ia juga dianggap sebagai '*aqd al-murakkabah* kerana pembinaannya melibatkan sekurang-kurangnya dua kontrak utama iaitu *al-shirkah* dan *al-bay'*. Dalam beberapa keadaan tertentu pula, ia juga turut melibatkan beberapa kontrak lain seperti *al-istisna'*, *al-ijarah* dan *al-mudarabah*.

Berdasarkan huraian-huraian di atas, *musharakah mutanaqisah* adalah suatu kontrak yang diharuskan dalam sistem muamalah Islam. Ia berpandukan kepada dalil-

dalil yang diperolehi daripada al-Qur'an, al-sunnah, penggunaan *qiyas*, kaedah fiqh *al-asl fi al-mu'amalat al-ibahah* dan keperluan ummah terhadap keahlusannya. Keabsahannya pula adalah tertakluk kepada pematuhan setiap bentuk kontrak kepada rukun dan syarat setiap kontrak yang terlibat. Ini bermakna *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-istisna'* hendaklah mematuhi rukun dan syarat *al-shirkah*, *al-bay'* dan *al-istisna'*, manakala *musharakah mutanaqisah* bersama dengan *al-ijarah* hendaklah mematuhi rukun dan syarat *al-shirkah*, *al-bay'* dan *al-ijarah* dan begitulah seterusnya.

Sungguhpun terdapat beberapa *shubhah* seperti *al-qard al-ribawi*, *bay' al-'inah*, *al-wa'd*, *bay al-wafa'* dan beberapa lagi, ia tidak memadai untuk menafikan keahlusannya kontrak tersebut. Dalam hal ini, kaedah fiqh *al-asl fi al-mu'amalat al-ibahah* sebenarnya memainkan peranan yang amat signifikan di mana ia memberi ruang yang cukup luas kepada sistem muamalah Islam untuk memperlihatkan kedinamikannya dan juga kepada sarjana fiqh dan kewangan Islam kontemporari untuk *berijtihad*, berkeaktiviti dan berinovasi dalam menghadapi cabaran sistem kewangan semasa. Ia juga membuktikan bahawa syariat Islam sesuai untuk diamalkan dalam apa jua keadaan sekalipun.